

TEMA 1 AMALAN GAYA HIDUP SIHAT

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 D | 2 C | 3 A | 4 B | 5 C |
| 6 D | 7 D | 8 C | 9 A | 10 B |
| 11 D | 12 C | 13 A | 14 D | 15 B |

BAHAGIAN C

Petikan membincangkan tip kulit bersih, berseri, sihat dan kelihatan awet muda. Antaranya ialah makan makanan yang sihat dan seimbang dalam kehidupan seharian. Selain itu, meminum teh hijau pada setiap hari. Seterusnya, mengamalkan tabiat berhenti makan sebelum kenyang. Di samping itu, mengamalkan urutan pada wajah. Akhir sekali, melakukan aktiviti fizikal dan banyak bergerak. Kesimpulannya, setiap manusia bolehlah mengamalkan amalan ini dalam kehidupan seharian untuk mendapatkan kulit yang cantik dan sihat agar hidup kita lebih bahagia.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Pada hujung minggu yang lalu, satu program telah diadakan di sebuah pusat beli-belah. Ramai pengunjung yang datang untuk menderma darah. Selain daripada menderma darah, para pengunjung juga boleh melakukan pemeriksaan kesihatan secara percuma. Di samping itu, makanan dan minuman juga disediakan kepada para penderma darah. Cabutan bertuah juga diadakan untuk menarik minat orang ramai. Akhir sekali, aktiviti kuiz kesihatan untuk remaja dan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

TEMA 2 BERINGAT SUPAYA SELAMAT

KERTAS 1

BAHAGIAN C

Petikan membincangkan keselamatan semasa aktiviti permainan air. Antaranya ialah memastikan air yang digunakan untuk aktiviti permainan air adalah bersih. Selain itu, memastikan pakaian mandi yang sesuai dan

selesa dipakai. Seterusnya, peralatan permainan air yang digunakan perlulah bersih, tahan lama, tidak berkarat, tidak tajam dan tidak mudah rosak. Di samping itu, kedalaman air yang digunakan untuk aktiviti permainan air perlulah cetek dan bersesuaian dengan tahap umur. Akhir sekali, perlu pemantauan daripada orang dewasa atau yang bertanggungjawab. Kesimpulannya, keselamatan semasa aktiviti permainan air haruslah dititiberatkan agar perkara yang tidak diinginkan berlaku.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Keselamatan di makmal sains sekolah sangat penting untuk diikuti oleh setiap murid. Panduan keselamatan telah dipaparkan di pintu masuk makmal sains. Apabila berada di dalam makmal sains sekolah, ikut arahan guru. Setiap murid hendaklah memakai baju makmal jika uji kaji dijalankan. Bahan kimia haruslah digunakan mengikut sukatan. Selepas uji kaji, simpan alatan makmal di rak makmal. Kesimpulannya, sepanjang berada dalam makmal, murid dilarang membuat bising.

BAHAGIAN B

1

Kelalaian manusia dianggap sebagai punca utama kes kebakaran di negara kita. Kebakaran bukan sahaja menyapakan harta benda dalam sekelip mata malah mengorbankan berpuluh-puluh ribu nyawa tiap-tiap tahun. Justeru, kita perlu mengambil langkah-langkah keselamatan untuk mencegah kebakaran kerana malang tidak berbau.

Antara langkah penting untuk mencegah kebakaran adalah dengan mengemaskini kemudahan pencegahan api. Alat pencegahan api ini penting di sekolah, bangunan tinggi, premis perniagaan, pusat hiburan, kilang dan bangunan kerajaan. Dalam hal ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat perlu menyelia kemudahan pencegahan api dari semasa ke semasa bagi menentukan semua alat tersebut dalam keadaan yang baik dan mencukupi.

Selain itu, peranan ibu bapa adalah besar

dalam usaha pencegahan kebakaran. Dalam hal ini, ibu bapa haruslah menegah anak-anak daripada bermain dengan poin tenaga di rumah. Perbuatan seumpama ini amat berbahaya kerana boleh menyebabkan litar pintas dan renjatan elektrik. Tambahan pula, perbuatan anak-anak kecil yang bermain dengan mancis boleh menyambar bahan-bahan yang mudah terbakar seperti kain langsir dan tong gas di dapur. Justeru, ibu bapa haruslah selalu mengingatkan anak-anak tentang bahaya bermain dengan api.

Pemeriksaan sistem pendawaian dan peralatan elektrik di rumah juga penting untuk mencegah kebakaran. Kita mestilah memeriksa semua penyambungan elektrik di rumah bagi memastikan tiada retakan, wayar terdedah atau longgar. Sistem pendawaian perlu diperiksa dari semasa ke semasa bagi mengesan dan membaiki kerosakan. Misalnya penebat getah wayar yang sudah keras atau retak perlu diganti dengan segera. Seperti kata pepatah mencegah adalah lebih baik daripada merawat.

Sebagai kesimpulan, kesedaran masyarakat tentang bahaya kebakaran dan langkah pencegahan kebakaran amatlah penting. Sikap kebanyakan anggota masyarakat kita seperti melepaskan batuk di tangga dalam kemelut ini hanya mengundang kecelakaan. Oleh itu, penglibatan dan kerjasama semua lapisan masyarakat sangat diperlukan untuk menangani masalah ini.

2

Pada suatu petang, ketika pulang dari sekolah, aku ternampak asap tebal berkepul-kepul di udara. Aku segera berlari untuk melihat apa yang berlaku. Ketika itu aku berasa bimbang kerana lokasi asap tebal itu berdekatan dengan rumahku. Rupa-rupanya rumah Tok Lebai yang terbakar.

Aku segera pergi memberitahu ibu dan bapaku. Kemudian bapaku terus keluar rumah untuk meminta pertolongan daripada penduduk kampung. Ramai penduduk kampung yang datang dan mereka bertungkus-lumus memadamkan api tersebut. Namun begitu, api itu semakin marak. Sementara itu, aku segera menelefon pihak bomba. Kira-kira 20 minit kemudian, bomba pun sampai ke tempat kejadian. Setengah jam berikutnya, api yang marak itu berjaya dipadamkan tetapi

malangnya rumah Tok Lebai telah pun musnah sama sekali dijilat api.

Pihak bomba menyatakan bahawa punca kejadian itu mungkin akibat daripada litar pintas. Syukurlah kerana tiada kemalangan jiwa berlaku. Tok Lebai dan keluarganya mengucapkan terima kasih kepada semua yang datang menolong memadamkan kebakaran rumah mereka.

Memandangkan Tok Lebai jiran terdekat kami, ibu bapaku mengajak Tok Lebai sekeluarga menumpang di rumah kami untuk sementara waktu. Semasa di rumah kami, Tok Lebai kelihatan muram kerana mungkin mengenangkan peristiwa pahit yang melanda keluarganya.

Tiga bulan kemudian, rumah Tok Lebai telah siap dibina semula hasil daripada sumbangan dan gotong-royong penduduk kampung. Tok Lebai berasa amat gembira dan mengucapkan terima kasih kepada keluarga kami dan juga penduduk kampung yang banyak membantu mereka.

3

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis, Tuan Pengetua, barisan panel hakim yang arif lagi bijaksana, guru-guru dan rakan-rakan yang dikasihi sekalian. Terlebih dahulu ribuan terima kasih ingin saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan syarahan pada hari ini. Tajuk syarahan saya ialah 'Punca-punca Kebakaran Rumah'.

Hadirin yang saya hormati,

Api semasa kecil ialah kawan, apabila besar menjadi lawan. Ungkapan ini tidak lagi diendahkan oleh masyarakat kita kerana kebakaran berlaku di mana-mana sahaja. Mengikut statistik yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pada tahun 2018 sebanyak 1,327 kes yang telah dilaporkan berkaitan kebakaran rumah kediaman. Perkara ini amatlah membimbangkan kerana ianya boleh memberikan kesan yang buruk kepada isi rumah tersebut. Oleh sebab itu, kita perlulah mengenali apakah punca-punca yang boleh menyebabkan kebakaran di rumah supaya kita dapat menyelamatkan keluarga, diri serta harta benda yang berharga.

Penggunaan *extension plug* yang berlebihan merupakan punca utama berlakunya kebakaran di rumah. Penggunaan *extension plug* amatlah

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) mempraktikan – mempraktikkan
(ii) undang-undang – undang-undang
(iii) istitusi – institusi
- 2 (i) jatidiri – jati diri
(ii) sama-sama – masing-masing
(iii) menganjurkan – melibatkan
- 3 (i) Tonggak kemajuan negara pada masa hadapan ialah generasi muda hari ini.
(ii) Kasih sayang antara rakyat yang berbilang kaum dapat disemai melalui konsep ‘Keluarga Malaysia’.
- 4 (i) Di mana bumi di pijak, di situ langit ku junjung.
(ii) Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri.
(iii) Air dicincang takkan putus.
- 5 (a) Mencapai perpaduan dan hidup harmoni.
(b) Saling menghormati, hapuskan kebencian dan hentikan saling menyalahi.
(c) Menyatukan institusi sekolah vernakular, menganjurkan aktiviti kemasyarakatan pelbagai kaum, mengadakan rumah terbuka bagi semua perayaan dan mendidik anak-anak dari kecil supaya tidak rasis.

6

Novel Destinasi Impian

Cerita ini bermula dengan situasi perjalanan mengayuh basikal oleh Johari, Firdaus dan Azlina. Perjalanan mereka dari Kampung Bukit Kapar ke Pantai Morib Baru adalah untuk menyahut cabaran datuk. Jarak perjalanan mereka sejauh 50 kilometer. Firdaus sentiasa merungut sepanjang perjalanan kerana destinasi mereka sangat jauh dan dia berasa letih. Johari dan Azlina memberikan dorongan semangat dan pelbagai nasihat agar perjalanan mereka diteruskan. Tujuan Johari mengajak Firdaus dan Azlina adalah untuk mengajar mereka supaya mereka menjadi lasak, berdikari dan berani. Firdaus berasa bangga kerana berjaya mengayuh basikal hingga Pantai Morib Baru. Kawan-kawan Firdaus berasa bangga atas kemampuan dan kejayaan Firdaus mengayuh basikal. Akhirnya, Firdaus insaf dan sedar serta tidak bersikap angkuh.

diperlukan tambahan lagi pada zaman kini kerana setiap ahli keluarga kini mempunyai gajet mereka tersendiri dan menyebabkan kekangan plag yang sedia ada. Namun perlu diambil perhatian agar tidak menggunakan *extension plug* yang berlebihan kerana ianya akan membebankan *extension plug* dan mendorong kepada peningkatan haba lalu mencetuskan litar pintas.

Hadirin yang saya kasihi,

Selain *air fryer*, dapur gas merupakan satu keperluan dapur di setiap rumah maka sebagai isi rumah yang bertanggungjawab, kita perlulah memastikan bahawa dapur gas sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Sekiranya terhidu bau pelik yang di luar kebiasaan kita maka perlulah memastikan apakah punca kepada bau yang pelik tersebut. Sekiranya ianya berpunca daripada kebocoran gas maka wajib melaporkan kepada pihak bomba secepat mungkin dan menutup semua penggunaan elektrik serta elakkan dari menggunakan segala barang yang boleh menghasilkan api seperti pemetik api, mancis dan lain-lain.

Lingkar ubat nyamuk masih lagi digunakan walaupun terdapat pelbagai jenis ubat nyamuk yang menggunakan tenaga elektrik. Penggunaan lingkar ubat nyamuk ini perlulah berhati-hati dengan tidak menggunakan bahan yang mudah terbakar sebagai alas. Konsep ini juga perlu diterapkan semasa penggunaan lilin. Selain itu, lilin juga perlu diletakkan jauh daripada bahan mudah terbakar kerana kita perlu mengelakkan sebarang kemungkinan yang boleh terjadi.

Hadirin yang saya sayangi,

Sebagai kesimpulannya, setiap ahli rumah perlulah sedar tentang bahaya kebakaran dan langkah pencegahan kebakaran amatlah penting. Sikap kebanyakan ahli keluarga seperti melepaskan batuk di tangga dalam kemelut ini hanya mengundang kecelakaan. Oleh itu, penglibatan dan kerjasama semua lapisan masyarakat sangat diperlukan untuk menangani masalah ini.

Novel Formula Termodinamik

Amir dan Usama telah merancang satu projek pengubahsuaian mesin rumput supaya berfungsi sebagai pemotong rumput dan pencangkul tanah. Amir menggunakan formula Termodinamik bagi memprogramkan mesin rumput terpakai dan projek ini dibantu oleh Profesor Othman dengan Formula Dua Hukum Popular bagi memastikan projek tersebut berjaya. Sejak tersebar berita Amir dan rakan-rakannya mencipta mesin 2 dalam 1, Aswan berasa kurang senang dan ingin menyaingi mereka. Aswan bercadang untuk mencipta model yang sama, menggunakan mesin rumput yang panjang dan stor minyak petrolnya digantung di belakang dan di hujung pemotong rumput itu diwujudkan tangan robot. Namun begitu, semua nota telah hilang dan perkara tentang Formula Dua Hukum Popular Termodinamik tidak diketahuinya. Amir sangat risau akan kehilangan Formula Dua Hukum Popular Termodinamik dan tiba-tiba sahaja storan formulanya hilang. Akhirnya Aswan telah meminta maaf kepada Amir dan Usama kerana dialah yang mencuri Formula Termodinamik tersebut. Projek mesin 2 dalam 1 ciptaan Amir dan Usama telah memenangi Anugerah Saintis Muda dan mereka turut mendapat biasiswa kerajaan bagi melanjutkan pelajaran di luar negara.

Novel Pelari Muda

Kamarul terpilih untuk mewakili negara dalam kejohanan sukan SEA di Bangkok dua bulan lagi. Kejayaan ini telah menjadikan Kamarul bersikap sombong, ego, menjauhkan diri daripada kawan-kawan, malah tidak berdisiplin menjalani latihan di bawah bimbingan Encik Kadir. Teguran-teguran yang diberikan oleh Encik Kadir dibalas dengan jawapan dan tindakan yang tidak bermoral. Suatu hari, dalam perjalanan balik daripada latihan Kamarul dilanggar kereta. Sepanjang berada di hospital, Encik Kadir dan Saridah tetap menziarahi Kamarul. Setelah sembuh daripada kecederaan, Kamarul menjalani semula latihan di bawah bimbingan Encik Kadir. Kamarul dan delegasi Malaysia berlepas ke Bangkok untuk menyertai kejohanan sukan SEA ke-14 di Bangkok. Dalam acara lari 100m dan 400m kejohanan tersebut, Kamarul berjaya meraih pingat emas. Kejayaan Kamarul mendapat

pujian dan ucapan tahniah daripada Encik Kadir dan rakan-rakan, termasuk rakan-rakan sekelasnya di Malaysia. Di lapangan terbang Kamarul telah disambut meriah dengan ucapan tahniah daripada ibu bapa dan rakan-rakannya.

Novel Sejambak Bakti

Novel Sejambak Bakti bermula apabila Harun, Swee Lan dan Saridevi bertugas di koperasi sekolah didatangi Cikgu Zulkifli dengan menyerahkan surat panggilan untuk menyertai Mesyuarat Lembaga Pengarah. Pelantikan Razali sebagai penolong setiausaha dicemburui oleh Munir. Bermula hari itu, dia sering memonteng tugas di koperasi sekolah bersama Leong dan Selvam. Sikap Munir yang tidak hadir menjalankan tugas telah dilaporkan kepada guru kaunseling. Selepas peristiwa tersebut, Munir bertindak menumbuk Razali sehingga berdarah. Koperasi Sekolah telah menyertai sebuah pertandingan anjuran ANGKASA. Warga sekolah telah dikejutkan dengan pencerobohan yang berlaku di koperasi sekolah. Razali yang memiliki kunci koperasi telah dipanggil ke balai untuk membantu siasatan bersama cikgu Zulkifli. Akhirnya, Munir telah berjaya ditangkap kerana memiliki sekeping wang kertas RM10 yang bertanda "K". Munir telah dihukum tiga kali sebatan rotan. Koperasi Sekolah Menengah Teknik Sri Kayangan telah diumumkan sebagai johan pertandingan yang dianjurkan oleh ANGKASA.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Pada hari minggu yang lalu, pihak pengurusan taman perumahan tempat saya tinggal telah mengadakan Sambutan Tahun Baru Cina. Sambutan itu diadakan di dewan orang ramai. Terdapat pelbagai kaum yang datang untuk meraikan. Makanan tradisional juga banyak dihidangkan seperti kuih bulan, bebola pulut manis, yee sang dan sebagainya. Selepas itu, persembahan tarian singa kepada para tetamu yang datang. Majlis diakhiri dengan pertunjukkan bunga api dan cabutan bertuah. Sebelum pulang, setiap tetamu diberikan angpau dan buah limau.

KERTAS 1**BAHAGIAN A**

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 B | 2 C | 3 A | 4 D | 5 C |
| 6 C | 7 A | 8 D | 9 B | 10 C |
| 11 A | 12 D | 13 B | 14 D | 15 C |

KERTAS 2**BAHAGIAN B****Soalan 1**

Industri kraf tangan ialah kerja-kerja penghasilan barangan kraf tradisional. Industri ini merupakan satu industri yang berpotensi besar untuk membantu meningkatkan tahap kehidupan masyarakat terutama masyarakat desa. Oleh itu, wujud pelbagai tindakan yang boleh dilakukan untuk memajukan industri ini ke tahap yang lebih baik lagi.

Tindakan yang paling logik untuk memajukan industri ini adalah dengan membina lebih banyak pusat kraf tangan di negara. Penubuhan lebih banyak pusat kraf sebegini sudah pasti menjadikan lebih banyak produk yang boleh dipamerkan dan mudah untuk diperoleh oleh pelancong terutama dari luar. Dalam masa yang sama pusat ini juga boleh dijadikan sebagai tempat melatih lebih banyak penggiat industri ini.

Kerajaan juga harus menjalankan usaha untuk meningkatkan produktiviti industri ini. Pengenalan teknologi dan reka bentuk yang unik sudah pasti mampu meninggikan lagi keluaran industri ini supaya kos menjadi lebih murah dan harga yang dikenakan kepada pembeli boleh dikurangkan sehingga ke tahap minima. Produktiviti yang tinggi juga menjadikan industri ini lebih berdaya saing dan kreatif untuk memastikan produk mereka terus mendapat tempat dalam hati pelancong.

Kempen kesedaran yang meluas harus dilaksanakan terutama dalam kalangan generasi muda. Sudah ada remaja yang tidak lagi mengenali hasil kraf tangan negara kerana mereka tidak menggunakan produk itu sebaliknya lebih suka menggunakan sesuatu yang bercorak moden atau berteknologi tinggi. Kempen yang meluas juga mampu mengiklankan dan meninggikan imej hasil kraf tangan pada masa yang sama.

Produk kraf tangan ini juga perlulah menggunakan hasil semula jadi yang wujud di Malaysia. Usaha mengeksploitasi sumber semula jadi negara untuk dijadikan kraf tangan mampu memberikan sentuhan unik terhadap produk tersebut lalu meningkatkan permintaannya pada masyarakat luar. Bukankah kraf tangan harus menggunakan sumber semula jadi tempatan?

Konklusinya, industri ini bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh. Semua negara menghargai hasil kraf tangan mereka dan menjadi tugas kita untuk memastikan hasil ini terus hidup subur dalam negara ini. Kegagalan kita mengekalkan kraf tangan seolah-olah menjadi bukti betapa teruknya pandangan masyarakat terhadap industri kraf tangan sendiri.

Soalan 2

Pada hari Isnin yang lalu, sekolah saya telah mengadakan Sambutan Hari Kesenian dan Kebudayaan. Pada pagi itu, semua murid dan guru berada di tapak perhimpunan untuk majlis pelancaran. Kedatangan tetamu daripada Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Perak bagi merasmikan sambutan tersebut. Bersama mereka juga pakar-pakar dan ahli dalam bidang seni dan budaya seperti pembuat alat muzik, kraf tangan, permainan dan makanan tradisional kaum Melayu, Cina dan India.

Selepas majlis perasmian, aktiviti yang pertama dijalankan ialah pertandingan menari tarian tradisional. Setiap kaum di sekolah saya menghantar wakil untuk menjadi peserta. Saya mewakili kaum Cina bersama lima orang rakan saya yang lain untuk menari tarian tradisional Cina yang diberi nama Tarian Payung. Selepas itu, diikuti oleh kaum Melayu dan India yang masing-masing menari tarian tradisional mereka.

Selepas itu, guru-guru dan murid-murid serta para tetamu bergerak ke dewan utama. Di sana terdapat pameran tentang kesenian dan kebudayaan negara. Saya dan rakan-rakan mendapat banyak ilmu dan info tentang khazanah negara. Di sebelah kanan dewan pula, diadakan pertandingan memasak kuih tradisional. Kawan saya Rui Chuan telah menyertai pertandingan tersebut dengan memasak Dim Sum ayam. Para juri mencuba makanan yang dimasak oleh murid-murid untuk memberi markah dan

memilih para pemenang.

Hari Kesenian dan Kebudayaan diteruskan lagi dengan pertunjukan permainan tradisional oleh pemain-pemain lagenda yang berbakat dan berpengalaman. Antara permainan yang dipertontonkan ialah permainan gasing, wau, yo-yo cina, kabaddi dan lain-lain lagi. Para guru dan murid-murid juga diberi peluang untuk mencuba bermain permainan tersebut. Akhir sekali, kami disajikan dengan persembahan oleh kumpulan muzik yang sangat luar biasa kerana mereka telah menggabungkan ketiga-tiga alatan muzik tradisional iaitu kaum Melayu, Cina dan India dengan mempersembahkan satu alunan yang sangat menarik dan menyentuh perasaan.

Sebelum majlis tamat, program diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan cenderahati kepada tetamu yang sudi hadir bagi memeriahkan lagi program yang dijalankan. Kami murid-murid sangat seronok kerana didedahkan dengan seni dan budaya yang sudah ditinggalkan oleh generasi muda kini. Diharapkan agar program seperti ini diadakan lagi pada masa yang akan datang.

Soalan 3

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Pada hari ini, mari kita panjatkan puji syukur kepada Allah SWT kerana atas rahmat-Nya kita semua dapat berkumpul di tempat yang indah ini. Pertemuan kali ini, diharapkan dapat menumbuhkan rasa cinta kita terhadap kebudayaan Malaysia. Seperti yang diketahui bahawa generasi muda Malaysia saat ini mempunyai jiwa nasionalisme yang semakin luntur. Maka, sebagai generasi muda kita harus tetap menumbuhkan jiwa nasionalisme ini. Caranya mudah, cintailah kebudayaan Malaysia. Hadirin yang saya hormati,

Hal tersebut menunjukan jiwa nasionalisme kita terhadap budaya di Malaysia. Cara mudah menerapkan rasa cinta akan kebudayaan Malaysia hanya dengan sering menggunakan pakaian tradisional seperti baju Melayu dan kebaya. Selain itu, kita juga boleh memperkenalkan budaya Malaysia ke negara lain. Caranya sangat mudah, menulis blog, menjual pelbagai cenderahati khas Malaysia di pasaran global. Cenderamata yang diberikan boleh berupa alat muzik seperti

gambus, wau dan sebagainya.

Selain itu, cara lainnya untuk menerapkan rasa cinta akan budaya Malaysia adalah jangan meninggalkan seni kebudayaan kita seperti tarian. Mempelajari seni tarian tentu akan membuat kita sedar bahawa siapa lagi yang akan menjaga kebudayaan Malaysia kalau bukan kita. Tambahan pula, seni tradisional boleh digabungkan dengan seni moden. Bahkan, hal tersebut menghasilkan kombinasi yang unik dan menarik.

Hadirin yang saya kasihi,

Ingatlah sebagai rakyat Malaysia yang baik harus saling mencintai budaya kita sendiri. Jangan sampai budaya kita diambil oleh negara lain. Tidak ada negara seperti Malaysia yang memiliki pelbagai ragam budaya. Maka banggalah akan Malaysia dengan pelbagai bangsa di dalamnya. Daripada pelbagai bangsa di Malaysia itulah tercipta pelbagai jenis alat muzik, senjata tradisional, rumah adat, pakaian tradisional, lagu loghat dan tradisi-tradisi yang lain.

Kekayaan budaya Malaysia ialah warisan para moyang kita. Oleh hal sedemikian sebagai generasi muda, kita harus menjaga dan melestarikannya. Melestarikan kebudayaan Malaysia akan memberi kesan kepada anak cucu kita kelak agar tidak lupa akan nenek moyang kita. Selain itu, kebudayaan Malaysia juga dapat meningkatkan nilai negara.

Sekian pidato singkat dari saya. Sebagai penduduk Malaysia, semoga kita tidak melupakan budaya kita di mana pun kita berada. Semoga dengan pidato saya kali ini, akan semakin menyedarkan kita tentang budaya Malaysia. Sekian, terima kasih.

TEMA 5

JATI DIRI DAN KEWARGANEGARAAN

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) pertivi – pertiwi
(ii) China - Cina
(iii) pepaduan – perpaduan
- 2 (i) Tolong jangan – jangan
(ii) memenangi – menewaskan
(iii) pada – di
- 3 (i) Dalam penyelidikan sains, beberapa orang tokoh negara melibatkan diri.
(ii) Majlis penganugerahan itu disempurnakan

oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak.

- 4 (i) Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
(ii) Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri.
(iii) Biar putih tulang, jangan putih mata.
(iv) Biar pecah di perut, jangan pecah di mulut.
- 5 (a) Tujuan penubuhan SMART ialah melaksanakan operasi menyelamatkan dalam malapetaka dan bencana alam.
(b) Ciri-ciri untuk menjadi anggota SMART ialah mestilah sentiasa peka dan bersiaga menghadapi sebarang musibah dan bekerja tanpa mengira masa untuk memberikan bantuan perubatan dan bantuan kecemasan kepada mangsa bencana.
(c) Pada pendapat saya, cara yang boleh dilakukan oleh pelajar untuk menunjukkan rasa cinta dan berkorban untuk negara dengan menyertai Askar Wataniah, sukarelawan Polis dan Bomba serta menyertai mana-mana persatuan untuk menjadi sukarelawan.

6

Novel Destinasi Impian

Berdasarkan novel Destinasi Impian, latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat yang aktif bersukan. Sebagai contoh, Azlina selalu berjoging dan tidak mempunyai masalah untuk menyertai ekspedisi berbasikal.

Selain itu, masyarakat yang penyabar. Sebagai contoh, Johari sangat bersabar dengan Firdaus yang asyik merungut ingin membatalkan ekspedisi berbasikal yang disertainya.

Di samping itu, masyarakat lelaki yang berperwatakan seperti perempuan. Sebagai contoh, Firdaus yang membesar dengan adik-beradik perempuan, seorang yang lemah lembut dan pandai menggubah bunga.

Seterusnya, masyarakat yang mementingkan diri sendiri. Pemandu lori yang memandu dengan laju sehingga Azlina terbabas dan terjatuh di kiri jalan.

Selanjutnya, masyarakat yang angkuh selepas mengecapi kejayaan. Firdaus lupa diri selepas mendapat pujian daripada rakan-rakannya.

Akhir sekali, masyarakat yang memiliki semangat juang yang tinggi. Sebagai contoh, Azlina dan Johari kekal bersemangat ketika berbasikal ke Morib.

Novel Formula Termodinamik

Berdasarkan novel Formula Termodinamik, latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat yang menghormati hak dan pendapat orang lain. Sebagai contoh, Amir tidak kisah jika Aswan ingin bersaing dengannya dalam mengubah suai mesin malah bersenang hati berkongsi ilmu dengan orang lain.

Selain itu, masyarakat yang cemburu dan dengki terhadap kejayaan orang lain. Sebagai contoh, Aswan bertekad untuk menentang Amir dan Usamah dengan apa cara sekalipun asalkan mereka tidak menempa nama di Kampung Warisan.

Di samping itu, masyarakat yang kreatif dan gigih berusaha sehingga berjaya. Sebagai contoh, Amir dan Usamah berusaha bersungguh-sungguh mengubah suai mesin untuk kegunaan orang kampung dan berjaya memenangi anugerah saintis muda.

Akhir sekali, masyarakat kampung yang masih mengamalkan tradisi bergotong-royong. Sebagai contoh, Amir sangat bangga dengan semangat gotong-royong yang masih menjadi amalan penduduk Kampung Warisan termasuk pada musim menanam padi.

Novel Pelari Muda

Berdasarkan novel Pelari Muda, latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat yang terdiri daripada ahli sukan atau atlet yang mewakili negara. Sebagai contoh, Kamarul dan Sures gigih berlatih untuk meningkatkan prestasi mereka sebelum mewakili negara di Sukan SEA.

Selain itu, masyarakat remaja yang bersekolah dan mempunyai pelbagai perasaan. Sebagai contoh, Saridah yang meluahkan rintihan dan kekecewaannya kepada Juriah akan hubungannya yang semakin renggang dengan Kamarul.

Di samping itu, masyarakat yang prihatin terhadap nasib orang lain. Sebagai contoh, Saridah dan Encik Kadir yang melawat Kamarul di hospital selepas di terlibat dengan kemalangan

jalan raya.

Akhir sekali, masyarakat yang tegas dalam menjalankan tugas. Sebagai contoh, Adibah yang tegas dalam menjalankan tugas sebagai ketua kelas telah menghalang Kamarul untuk berjumpa dengan Cikgu Zainal semasa sesi pembelajaran dan pengajaran diadakan.

Novel Sejambak Bakti

Berdasarkan novel Sejambak Bakti, latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat yang gigih berusaha. Sebagai contoh, Razali dan rakan-rakannya berusaha membangunkan koperasi sekolahnya dengan menternak ayam telur dan mewujudkan bilik bacaan.

Selain itu, masyarakat yang mempunyai semangat setia kawan yang kuat. Sebagai contoh, Ramlah dan Saridevi memujuk Razali yang telah difitnah oleh Munir kerana mempercayai fitnah yang dilakukan oleh Munir.

Di samping itu, masyarakat yang cemburu atas kejayaan orang lain. Sebagai contoh, Munir, Leong dan Silvam cemburu akan Razali yang dilantik sebagai penolong setiausaha koperasi sekolah.

Seterusnya, masyarakat yang sabar dengan dugaan. Sebagai contoh, Razali menunjukkan kesabarannya menghadapi kerenah Munir, Leong dan Silvam yang tidak putus asa untuk menjatuhkannya.

Akhir sekali, masyarakat yang mengenang budi. Sebagai contoh, Razali terhutang budi kepada Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia yang memilihnya untuk menyertai kursus.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Maklumat di atas berkaitan proses pilihan raya di Malaysia. Pertama sekali, parlimen dibubarkan. Selepas itu, SPR menetapkan tarikh penamaan calon dan mengundi. Sesudah itu, penamaan calon yang akan bertanding. Seterusnya, calon diberikan masa untuk berkempen. Selanjutnya, proses mengundi dilaksanakan oleh rakyat. Selepas itu, penjumlahan rasmi undi oleh petugas. Akhir sekali, pengumuman keputusan bagi yang menang. Kesimpulannya, proses pilihan raya di Malaysia sangat telus.

TEMA 6

SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KERTAS 1

BAHAGIAN C

Petikan membincangkan kepentingan sains dan teknologi dalam kehidupan manusia. Antaranya ialah dapat meningkatkan produktiviti dan kemampuan manusia. Selain itu, memperluas skop pendidikan dan penyelidikan. Seterusnya, dapat menambah baik kesihatan dan keselamatan manusia. Di samping itu, usaha pemuliharaan serta pemeliharaan alam semula jadi dapat dilaksanakan. Akhir sekali, dapat memudahkan komunikasi antara manusia. Kesimpulannya, kehadiran sains dan teknologi membantu manusia hidup dengan lebih mudah dan baik.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Maklumat di atas menunjukkan kepentingan sains dan teknologi. Antaranya ialah dapat memulihara dan memelihara alam sekitar. Selain itu, dapat meningkatkan sektor pendidikan. Di samping itu, dapat menyumbang perkembangan dalam industri kesihatan. Seterusnya, dapat memudahkan komunikasi antara manusia. Selanjutnya, dapat meningkatkan hasil pertanian dan *agriculture* (pertanian bandar). Akhir sekali, dapat memudahkan pergerakan manusia. Kesimpulannya, sains dan teknologi memberi kesan yang baik kepada kehidupan manusia sejagat.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Kemajuan yang dikecapi manusia pada hari ini menjadi satu bukti bahawa kita hendaklah terus berevolusi untuk memanfaatkan teknologi. Antara sektor yang perlu meraikan penggunaan teknologi masa kini dan meninggalkan cara konvensional ialah sektor pendidikan. Maka, wajar untuk kita bincangkan kelebihan pendidikan dilaksanakan secara dalam talian.

Pendidikan secara dalam talian dapat membantu guru untuk menyampaikan ilmu dengan cara yang lebih mudah serta interaktif buat para pelajar. Guru boleh menggunakan

video interaktif yang terdapat secara percuma di Internet. Malah, terdapat banyak aplikasi seperti kuiz yang dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian untuk guru dan pelajar bak kata pepatah Melayu, laut yang ditimba tidak akan kering.

Selain itu, pendidikan secara dalam talian dapat meningkatkan kemahiran teknologi dalam kalangan guru dan pelajar. Pendidikan secara maya memerlukan kemahiran teknologi pelajar untuk akses masuk ke dalam aplikasi pembelajaran dalam talian. Pelajar perlu mendapatkan talian Internet yang stabil untuk melalui proses pendidikan maya secara lancar. Semasa pandemik COVID-19, kita dapat menyaksikan guru-guru menggunakan pelbagai teknologi untuk menyampaikan pengajaran kepada murid-murid.

Akhir sekali, kelebihan pendidikan secara dalam talian ialah memudahkan pelajar untuk mengulang kaji pelajaran. Pelajar boleh melihat semula rakaman pengajaran guru sekiranya mereka tidak memahami. Situasi ini adalah satu kelebihan jika dibandingkan dengan pendidikan secara bersemuka kerana pelajar mungkin berasa malu dan takut untuk bertanya kepada guru. Tambahan pula, pelajar dapat mengakses pelbagai bahan pembelajaran yang terdapat di Internet untuk mengulang kaji dan tidak bergantung kepada buku teks sahaja.

Kesimpulannya, pelbagai kelebihan yang diperoleh sekiranya guru atau pelajar melaksanakan pendidikan secara dalam talian. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang dari segi kemudahan Internet di kawasan luar bandar yang menyebabkan pelajar tidak berpeluang menikmati pendidikan dalam talian dengan baik. Justeru, kerajaan hendaklah berganding bahu dengan pembekal perkhidmatan talian Internet untuk memastikan liputan Internet di Malaysia ditingkatkan dan berada pada tahap yang terbaik.

Soalan 2

Pada hari Jumaat yang lepas, sekolah saya telah mengadakan Karnival Sains, Teknologi dan Inovasi sempena Hari Inovasi Negara. Pada pagi itu, guru-guru dan murid-murid berkumpul di dataran perhimpunan untuk majlis perasmian. Majlis dimulakan dengan ucapan pengetua.

Selepas itu, acara gimik perasmian iaitu pertunjukan roket air dikendalikan oleh pelajar tingkatan 5 STEM.

Sesudah itu, pelajar membuat persiapan untuk pertandingan inovasi. Cabaran pertandingan ini adalah menghasilkan ciptaan baru daripada bahan terpakai. Saya dan empat rakan saya yang lain juga turut menyertai dalam pertandingan itu bagi mewakili kelas kami. Kami mencipta ampaian yang diperbuat daripada botol mineral. Kami memerlukan 300 botol mineral bagi mencipta inovasi ini. Di sudut yang lain, para pelajar melihat pameran yang disediakan oleh pihak luar tentang ciptaan hasil daripada teknologi dan inovasi yang sudah meraih kemenangan di peringkat negeri dan kebangsaan.

Selain itu, pertandingan memasak juga diadakan bagi melihat dan menilai kekreatifan para pelajar menginovasi makanan tradisional agar menjadi lebih diminati ramai. Kakak saya telah menyertai pertandingan memasak itu. Dia telah memasak makanan tradisional Melayu iaitu lemang. Kakak saya telah menginovasikan lemang dengan campuran kurma, kismis, buah-buahan segar, gula melaka, dan keju. Lemang ini juga dibuat tiga lapisan iaitu lapisan lemang campuran buah, puding buah dan kek buah.

Selepas siap memasak, guru-guru yang bertugas sebagai juri telah mencuba makanan yang dimasak oleh para pelajar. Selepas para juri membuat penilaian, para pelajar dijemput makan makanan yang telah dimasak oleh para peserta. Sesudah itu, para pelajar bergerak ke dewan utama sekolah untuk majlis penutupan dan penyampaian hadiah. Kami sangat berdebar sementara menunggu pengumuman pemenang acara yang dipertandingkan.

Apabila pengerusi majlis mengumumkan nama pemenang, saya sangat terkejut kerana bahan terpakai yang saya inovasikan mendapat tempat pertama. Begitu juga lemang yang dimasak oleh kakak. Lemangnya menjadi sebutan guru-guru bahawa rasanya sangat sedap. Mereka memuji masakan kakak. Pada jam 1.00 tengah hari, kami dibenarkan pulang. Walaupun letih, tapi kami sangat seronok kerana mendapat pengalaman yang baharu. Semoga program sebegini diadakan lagi pada masa akan datang.

Soalan 3

Terima kasih kepada saudara pengerusi majlis. Yang Berusaha Tuan Pengetua, barisan guru dan rakan-rakan yang saya kasihi. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mewakili semua pelajar bagi menyampaikan ucapan sempena Hari Inovasi Negara.

Hadirin yang dihormati,

Hari Inovasi Negara setiap tahun disambut bagi meraikan para pemikir yang sudah bertungkus lumus untuk menghasilkan ciptaan inovasi mengikut arus kemodenan. Pelbagai anugerah yang diberikan oleh negara kepada individu dalam bidang masing-masing. Sebagai contoh, Anugerah Inovasi Guru, Anugerah Inovasi ICT dan sebagainya. Sebenarnya, terdapat banyak lagi bidang yang menggunakan sains dan teknologi.

Sektor pertanian merupakan antara sektor utama yang mendapat faedah daripada evolusi teknologi nano. Aplikasi teknologi nano dalam sektor pertanian membawa kepada suatu perubahan yang berupaya meningkatkan produktiviti dalam sektor ini dan secara langsung membantu meningkatkan pendapatan para petani. Sebagai negara yang masih bergantung kepada hasil komoditi pertanian seperti beras, kelapa sawit dan getah, Malaysia memerlukan teknologi nano dalam proses dan kaedah melibatkan pengeluaran hasil tanaman dan penghasilan produk hiliran dari hasil pertanian. Hadirin yang dikasihi,

Selain itu, aplikasi teknologi nano dalam bidang perubatan menghasilkan satu cabang ilmu yang baharu iaitu bidang *nanomedicine* atau perubatan nano. Dalam bidang perubatan nano ini, penggunaan partikel nano telah berjaya diaplikasikan sebagai contoh untuk membantu dalam pelarutan molekul aktif ubatan, kargo penghantaran molekul aktif ubatan kepada kawasan spesifik yang memerlukan rawatan di dalam badan, sebagai antibakterial dan juga dalam mengdiagnosis penyakit.

Di samping itu, teknologi nano ini juga digunakan dalam industri makanan sebagai bahan tambahan, pembungkusan dan penyimpanan makanan. Produk makanan segar

yang mempunyai lapisan, seperti sayur-sayuran dan buah-buahan, kekal segar semasa proses transit dan proses penyimpanan. Apabila tempoh penghantaran dan penyimpanan meningkat, proses respirasi aktif makanan itu boleh membawa kepada kerosakan makanan, perubahan tekstur makanan dan nutrisi akan berkurang. Oleh itu, makanan mestilah dipelihara untuk mengekalkan kualiti makanan dalam tempoh masa yang panjang.

Kesimpulannya, sains dan teknologi ialah komponen yang mustahak dalam kehidupan manusia serta memainkan peranan yang penting dalam kelangsungan hidup manusia. Sinergi antara dua komponen ini dapat membawa ketamadunan manusia ke satu tahap yang lebih tinggi. Persis kata peribahasa Melayu, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

TEMA 7 TEKNOLOGI AMALAN HIJAU

KERTAS 1

BAHAGIAN A

1 A	2 D	3 C	4 B	5 D
6 B	7 D	8 D	9 A	10 C
11 A	12 D	13 B	14 C	15 C

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Dalam era ledakan teknologi maklumat hari ini, sering kali kita melihat dan menatap pelbagai berita yang berkaitan alam sekitar. Berita tentang alam sekitar yang menghiasai paparan media elektronik ini juga turut menjadi bualan masyarakat di mana-mana sahaja. Sebagai spesies yang paling berkembang di muka bumi, adalah amat penting bagi kita untuk berusaha melindungi dan memelihara penghuni lain di bumi ini. Oleh itu, adalah amat penting bagi kita bergiat aktif dalam usaha pemuliharaan alam sekitar.

Antara kaedah pemuliharaan alam sekitar ialah dengan mengadakan aktiviti penanaman semula pokok. Pokok sangat berguna kepada kehidupan manusia. Selain daripada membekalkan oksigen, pokok juga boleh bertindak sebagai penampan kepada kekuatan angin dan membantu menyeimbangkan ekosistem. Oleh itu, kita

seharusnya menyahut seruan atau menyokong kempen penanaman pokok yang dijalankan oleh kerajaan bagi memulihara alam sekitar.

Selain itu, dengan penguatkuasaan undang-undang. Pelbagai undang-undang telah digubal dan dipinda untuk memastikan alam sekitar kita dipulihara dan terpelihara. Namun undang-undang tersebut hanya menghiasi di dada-dada helaian kertas dan tidak dikuatkuasakan hingga mengakibatkan manusia semakin rakus menjalankan aktiviti yang merosakkan alam. Kita tidak mahu sikap sudah terhantuk baru terngadah menjadi amalan dalam kehidupan kita.

Di samping itu, peranan yang perlu dimainkan oleh media massa sama ada media elektronik ataupun media cetak. Media massa berperanan memberi kesedaran dan info-info tentang kepentingan menjaga alam sekitar kepada masyarakat. Media masa juga perlu membuat liputan yang meluas tentang kempen, program-program dan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan atau pihak swasta yang menjurus kepada pemuliharaan alam sekitar.

Kesimpulannya, memulihara alam sekitar ini bukan kerja mudah dan perlu digembleng oleh semua pihak sama ada pihak ibu bapa, masyarakat, pemimpin masyarakat, agensi kerajaan dan juga pihak swasta. Jika kita mengamalkan sikap berpeluk tubuh atau hanya sebagai pemerhati tidak akan memberi apa-apa sumbangan dalam memulihara alam sekitar. Untuk menjamin kelangsungan hidup yang sejahtera, aman dan sihat sewajarnya kita membuat anjakan paradigma dengan berusaha memulihara alam sekitar kita.

Soalan 2

Pada hari Jumaat yang lepas, sekolah saya telah mengadakan Program Kehijauan Bumi sempena Hari Alam Sekitar Sedunia. Pada pagi itu, guru-guru dan murid-murid berkumpul di dataran perhimpunan untuk majlis perasmian. Majlis dimulakan dengan ucapan pengetua seterusnya ucapan perasmian oleh Exco Alam Sekitar Negeri Perak. Selepas itu, acara gimik perasmian iaitu siraman air menggunakan dron terhadap 100 anak pokok pisang yang dikendalikan oleh murid tingkatan 5 Sains Komputer.

Selepas itu, para tetamu dibawa melawat

tapak semaian sayur-sayuran yang ditanam oleh murid-murid Pendidikan Khas. Tanaman yang ditanam merupakan sebahagian daripada pembelajaran sendiri supaya mereka dapat berdikari menjalani hidup seperti manusia yang lain. Antara yang ditanam oleh murid-murid ialah sayur kobis, terung dan bayam. Hasil tanaman akan dijual kepada guru-guru, ibu bapa dan masyarakat sekitar bagi membantu dan memberi semangat kepada murid-murid Pendidikan Khas agar terus maju dalam bidang pertanian.

Pada masa yang sama, pameran tentang teknologi hijau juga diadakan di Dewan Anggerik. Teknologi hijau ini memberi pengetahuan baharu kepada murid-murid. Teknologi ini dapat meningkatkan minat murid-murid untuk menceburi bidang ini apabila dewasa nanti. Salah satu perkara yang diperkenalkan ialah penggunaan tenaga solar. Hal ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik seterusnya meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Penggunaan motosikal elektrik juga diperkenalkan bagi mengurangkan pencemaran udara dek kerana pelepasan asap kenderaan.

Di kantin pula, pertandingan menyediakan makanan sayur-sayuran yang sihat serta tidak menggunakan bahan bakar. Pelbagai jenis sayur yang dihidangkan tanpa memasak namun dapat dimakan begitu saja dengan enak sekali. Selain daripada ingin mendidik murid-murid untuk mengurangkan penggunaan bahan api semasa memasak, sayur yang dimakan tanpa memasak juga memberi lebih banyak khasiat terhadap tubuh badan manusia. Di samping menggalakkan murid-murid untuk mengambil sayur dalam setiap hidangan yang dimakan setiap hari.

Sebelum majlis berakhir, para tetamu dijemput makan bersama pengetua. Guru-guru dan murid-murid menikmati makanan yang dimasak oleh murid-murid dan juga makanan yang telah disediakan oleh pihak kantin iaitu tajaan daripada Exco Alam Sekitar Negeri Perak. Selepas makan, murid-murid dibenarkan pulang pada jam 1.00 tengah hari manakala guru-guru pada jam 1.30 tengah hari. Program Kehijauan Bumi sangat menyeronokkan. Diharapkan program seperti ini akan diadakan lagi pada masa yang akan datang.

Soalan 3

Terima kasih kepada saudara pengerusi majlis. Yang berusaha Tuan Pengetua, para tetamu, barisan guru dan rakan-rakan yang saya kasihi sekalian. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mewakili semua pelajar bagi menyampaikan ucapan sempena Program Kehijauan Bumi.

Hadirin yang disayangi,

Pencemaran alam sekitar boleh didefinisikan sebagai sesuatu perkara yang mengotorkan alam sehingga boleh menjejaskan ekosistem di muka bumi ini. Dewasa ini, era permodenan menderaskan lagi pembangunan negara. Pelbagai projek sosio ekonomi dijalankan begitu pesat untuk meningkatkan taraf pembangunan negara, namun kita alpa tentang kesan terhadap alam sekitar yang boleh membahayakan diri manusia. Pencemaran alam sekitar telah menjadi satu kemelut yang tidak dapat dielakkan oleh negara kita sehingga mencalarakan nama negara.

Punca utama pencemaran alam sekitar berada di tahap yang kritikal adalah disebabkan tangan manusia sendiri. Pada kebiasaannya manusia sering kali melakukan pencemaran alam sekitar dalam keadaan sedar ataupun tidak terhadap udara, air, tanah, bunyi dan radiasi. Info tentang kesan pencemaran terhadap alam sekitar sudah pun disebarkan melalui media massa namun manusia 'durjan' yang tidak mencintai alam memandang 'enteng' akan permasalahan pencemaran alam sekitar.

Hadirin yang dikasihi,

Selain itu, terdapat juga punca semula jadi. Ini kerana pencemaran ini berpunca daripada kejadian seperti gunung berapi, ribut taufan, gempa bumi dan sebagainya. Pencemaran ini boleh mendatangkan kesan yang negatif terhadap masyarakat setempat. Sebagai contoh apabila berlakunya letusan gunung berapi, secara tidak sengaja iklim juga akan turut berubah menjadi jerebu seterusnya akan menyebabkan penduduk setempat mudah terkena penyakit seperti asma, batuk, paru-paru, penglihatan yang tidak jelas dan sebagainya.

Di samping itu, asap-asap kilang dan kenderaan juga merupakan punca pencemaran. Ini disebabkan oleh asap-asap hitam yang keluar

dari kilang dan kenderaan boleh mengakibatkan asap-asap tersebut terperangkap di ruang udara. Gas-gas yang beracun seperti gas monoksida yang boleh membunuh sekiranya terkumpul dalam kawasan tertutup. Selain itu terdapat juga bahan lain yang terhasil daripada kenderaan bermotor iaitu plumbum yang merupakan sejenis bahan kimia yang sangat berbahaya sehingga boleh menyebabkan kerosakan otak terutama kanak-kanak.

Hadirin yang dihormati,

Bumi adalah satu-satunya tempat ekosistem dan organisma hidup secara bebas. Kita seharusnya menjaga alam kurniaan Tuhan ini dengan sebaik mungkin. Sepatutnya kita melahirkan sifat keprihatinan kita terhadap alam sekitar dengan mencintainya dan rasa hormat atas kurniaan yang diberikan. Menjaga alam sekitar supaya tidak tercemar, ini sudah cukup menandakan kita bersyukur dengan kurniaan yang diberikan kepada kita seterusnya membolehkan kita semua untuk menghirup udara yang bersih.

TEMA 8 SEKTOR PERTANIAN PESAT MEMBANGUN

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) kesitimewaan – keistimewaan
(ii) Tanah – Tahan
(iii) pamiran – pameran
- 2 (i) dan – atau
(ii) bandar – Bandar
(iii) menjaga – menjana
- 3 (i) Petani muda menggunakan teknologi moden dalam pertanian.
(ii) Usahawan negara berjaya menerpa nama di peringkat antarabangsa.
- 4 (i) Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.
(ii) Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
- 5 (a) Tanaman yang menggunakan kaedah penanaman tanpa tanah.
(b) – dapat mengurangkan kos dan penggunaan air yang banyak.
– pertumbuhan yang cepat.
(c) – Menyediakan bantuan dan kemudahan serta modal permulaan.

- Memberi kursus dan ilmu tentang pertanian moden yang menarik.
- Mengiktiraf petani dan mengadakan karnival atau ekspo setiap bulan.

6

Novel Destinasi Impian

Berdasarkan novel Destinasi Impian karya Mohd Ismail bin Sarbini terdapat beberapa pengajaran dipaparkan dalam novel ini. Antaranya ialah kita hendaklah berani menyalut cabaran. Azlina seorang perempuan berumur 16 tahun, pelajar tingkatan 4 sanggup menerima cabaran untuk mengayuh basikal sejauh 50 kilometer. Sebagai seorang pelajar, dia mempunyai daya juang yang tinggi dan penyabar.

Selain itu, kita haruslah insaf atas kesalahan yang telah kita lakukan. Firdaus akhirnya menyesal apabila sedar dari melakukan kesilapan. Beliau seorang yang panas baran, pembohong dan bersifat angkuh. Selepas peristiwa lemas di pantai, dia mula sedar dan insaf dari kesalahannya.

Pengajaran terakhir dalam novel ini ialah kita hendaklah prihatin dan murah hati terhadap insan lain. Johari sentiasa membantu sepuanya apabila ditimpa kemalangan. Beliau cepat-cepat datang memberi bantuan kepada Firdaus dan Azlina ketika jatuh dari basikal.

Novel Formula Termodinamik

Berdasarkan novel Formula Termodinamik, pengajaran yang terdapat dalam novel ini ialah kita hendaklah mengamalkan sikap bekerjasama. Contohnya, penduduk Kampung Warisan, Papar bergotong-royong mengusahakan penanaman padi untuk memastikan kerja-kerja pertanian dapat dilakukan dengan lebih cepat.

Selain itu, kita semestinya memiliki sikap kasih sayang. Contohnya, Intan berasa risau dan amat bimbang akan keselamatan Amir apabila anaknya itu meninggalkan rumah tanpa memberi sebarang pesan.

Seterusnya, kita sewajarnya memiliki sikap jujur. Contohnya, Fikri menentang hasrat Aswan memindahkan wang Syarikat Bahagia sebanyak RM1.3 juta kerana menganggap perbuatan itu tidak bermoral.

Di samping itu, kita hendaklah memiliki sikap berani. Contohnya, Amir berani menyerbu masuk ke dalam pondok untuk menangkap

penjenayah yang mencuri harta benda penduduk Kampung Warisan.

Novel Pelari Muda

Berdasarkan novel Pelari Muda, pengajaran yang terdapat dalam novel ini ialah kita hendaklah melahirkan rasa syukur jika memperoleh sesuatu kejayaan atau anugerah. Contohnya, Kamarul melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT apabila memperoleh pingat emas dan memecah rekod baharu dalam acara 100 meter di Sukan SEA.

Selain itu, kita perlu mempunyai semangat patriotisme. Contohnya, Kamarul menganggap kemenangannya memperoleh pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter di Sukan SEA bukan sahaja untuk dirinya tetapi untuk negara.

Seterusnya, kita sewajarnya mempunyai perasaan kasih sayang. Contohnya, Mak Jah mengambil berat kesihatan dan keselamatan anaknya Kamarul yang dibuktikan dengan menjaga anaknya di hospital selama empat hari gara-gara dilanggar kenderaan.

Selanjutnya, kita sepatutnya menghargai jasa. Contohnya Kamarul memberi cenderamata kepada atlet Filipina, De Wega yang banyak memberi nasihat dan dorongan sehari sebelum pertandingan dijalankan sehinggakan dia meraih pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter.

Akhir sekali, kita seharusnya mempunyai keberanian menghadapi cabaran. Contohnya, Kamarul berani menghadapi cabaran walaupun pada peringkat awal dia tidak yakin dapat menggondol pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter kerana menyedari tahap kecergasannya yang belum pulih. Namun sebagai jurulatih, Encik Kadir tetap yakin Kamarul mampu menggondol pingat tersebut dan akhirnya keyakinan Encik Kadir menjadi kenyataan.

Novel Sejambak Bakti

Berdasarkan novel Sejambak Bakti, pengajaran yang terdapat dalam novel ini ialah kita hendaklah mengamalkan sikap berkasih sayang. Contohnya, dapat dilihat menerusi sikap penyayang Razali terhadap ibunya apabila dia segera memeluk Mak Sopiah ketika ibunya itu menangis setelah didesak menceritakan tentang ayahnya.

Selain itu, kita mestilah mengamalkan

sikap bekerjasama ketika melakukan sesuatu pekerjaan. Contohnya, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah bersama-sama mengemas dan mencantikkan kedai koperasi untuk memastikan kedai koperasi mereka berjaya meraih kejuaraan dalam pertandingan koperasi terbaik peringkat kebangsaan.

Di samping itu, kita haruslah bantu-membantu antara satu sama lain. Contohnya, Razali tidak berdendam terhadap Munir, walaupun Munir telah menfitnahnya mencerooboh kedai koperasi, sebaliknya dia sanggup membantu Munir meningkatkan prestasi dalam pelajaran sepanjang Munir digantung persekolahan selama seminggu.

Akhir sekali, kita hendaklah bersikap rasional dalam bertindak. Contohnya pihak sekolah tidak menuduh mana-mana pihak yang mencerooboh kedai koperasi sekolah, sebaliknya menyerahkan kepada pihak polis untuk menyiasat dan seterusnya membuat pemeriksaan mengejut untuk mengetahui pelaku pencerooboh yang sebenarnya.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Maklumat di atas menunjukkan kelebihan tanaman hidroponik. Antara kelebihan tanaman hidroponik ialah dapat meningkatkan hasil tanaman. Selain itu, dapat menjimatkan kos tanaman. Seterusnya, tanaman ini mudah dikendalikan. Di samping itu, tanaman ini dapat menambahkan jangka hayat tanaman. Selanjutnya, tanaman ini lebih mesra alam. Akhir sekali, tanaman ini dapat mengawal serangga dan makhluk perosak. Kesimpulannya, tanaman hidroponik sudah digunakan secara meluas di negara maju dan terbukti berkesan.

TEMA 9 EKONOMI DAN PENGURUSAN KEWANGAN

KERTAS 1

BAHAGIAN C

Petikan membincangkan punca-punca golongan muda bankrap. Antaranya ialah membeli kereta melebihi kemampuan gaji bulanan. Selain itu, penggunaan kad kredit yang tidak terkawal dan

tanpa batasan. Seterusnya, masih berhutang dengan pinjaman perumahan dalam jangka masa yang lama. Di samping itu, membeli barang mewah yang tidak termasuk keperluan diri. Akhir sekali, melakukan pinjaman peribadi untuk mengikut trend zaman kini. Kesimpulannya, hiduplah secara bersederhana agar tidak memakan diri sendiri.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Maklumat di atas menunjukkan cara mengurus kewangan secara beretika. Antara cara mengurus kewangan secara beretika ialah membuat simpanan untuk waktu kecemasan. Selain itu, melindungi pendapatan dan simpanan dengan insurans. Seterusnya, membuat bayaran pinjaman secara konsisten. Di samping itu, membandingkan harga dan membeli mengikut kemampuan. Akhir sekali, membeli barang keperluan bukan kehendak. Kesimpulannya, setiap individu harus bijak mengurus kewangan agar tidak berlaku kerugian dan pembaziran.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pada era globalisasi ini, kerancangan pertumbuhan ekonomi negara dan dunia menjadi agenda utama dalam mengecapi kejayaan. Ketidaktentuan ekonomi dan kenaikan kos sara hidup telah mendorong masyarakat konvensional hari ini mengamalkan amalan berjimat cermat untuk keluar daripada kepompong inflasi. Pihak kerajaan pula memberikan bantuan pada kadar yang tidak mencukupi dan rakyat perlu melakukan inisiatif sendiri bagi meringankan beban kewangan yang dihadapi hari ini. Persoalannya, apakah amalan berjimat cermat yang boleh dipraktikkan oleh seluruh ahli masyarakat?

Antara yang kita boleh lakukan ialah kita hendaklah mementingkan keperluan daripada kehendak. Senario ini dilihat menjadi kelaziman anak muda hari ini apabila kehendak diri diutamakan sehingga sanggup berhutang keliling pinggang hanya untuk mendapat kepuasan atau pujian daripada orang lain. Pengaruh media sosial oleh golongan berharta dan selebriti yang riak dalam menunjukkan kemewahan menjadi antara

penyebab ramai dalam kalangan anak muda yang berbelanja untuk mendapatkan kehidupan yang mewah seperti selebriti.

Selain itu, amalan berjimat cermat yang boleh diamalkan oleh setiap ahli masyarakat adalah dengan melakukan perbandingan harga sebelum membeli-belah. Mutakhir ini, terdapat pasar raya yang menjual secara borang dan pasar raya yang menjual barangan import berkualiti tinggi. Maka, pengguna perlulah bersikap bijak dengan membeli produk yang berbaloi dari segi kualiti dan juga berpatutan pada harganya. Pengguna masa kini juga mempunyai pilihan yang lebih baik berbanding waktu dahulu kerana kita boleh memilih untuk membeli di pasar raya atau membeli secara maya dalam talian.

Di samping itu, amalan berjimat cermat boleh diimplementasikan dengan menyediakan bekalan makanan sendiri ke tempat kerja dan juga kepada anak-anak di sekolah. Membawa bekalan makanan secara sendiri dari rumah memberikan pelbagai manfaat kepada kita antaranya adalah menjimatkan wang. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, harga makanan di restoran semakin meningkat terutamanya di rangkaian restoran makanan segera. Oleh itu, dengan membeli bahan masakan dan barang mentah sendiri serta memasak juadah yang diinginkan, kita dapat meneliti jumlah perbelanjaan yang digunakan.

Tuntasnya, pelbagai amalan berjimat cermat yang boleh dilaksanakan oleh setiap ahli masyarakat dalam mendepani ketidakpastian ekonomi masa kini. Kesedaran tentang pengurusan kewangan adalah menjadi tanggungjawab semua pihak. Kerajaan seharusnya bersikap proaktif dengan menjadikan pengurusan kewangan sebagai subjek yang perlu dipelajari oleh semua ahli masyarakat. Tindakan seperti ini dapat melahirkan masyarakat yang cakna dan sentiasa berusaha ke arah memajukan ekonomi diri, masyarakat dan negara. Setiap agama dan kepercayaan pasti menyetujui nilai kesederhanaan yang sepatutnya menjadi iltizam setiap penganutnya.

Soalan 2

Pada Jumaat yang lepas, Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai Remis telah menjayakan

Hari Keusahawanan. Program sehari suntuk ini diadakan untuk menyemarakkan minat keusahawanan dalam kalangan murid. Di samping itu, Hari Keusahawanan ini diharapkan dapat mengutip dana untuk menyiapkan surau dan dataran perhimpunan berbumbung.

Sebanyak 45 buah gerai menyertai aktiviti perniagaan pada Hari Keusahawanan ini. Para peserta terdiri daripada ahli persatuan, kelab dan permainan serta unit beruniform. Selain itu, terdapat juga gerai yang mewakili kelas. Gerai-gerai tersebut menjual makanan, minuman, pakaian terpakai, buku dan majalah serta barangan elektronik. Tepat pada jam 8.30 pagi, aktiviti perniagaan dimulakan. Para pengunjung yang terdiri daripada murid-murid dan ibu bapa bertali arus datang ke gerai-gerai tersebut.

Di samping gerai jualan, terdapat juga kaunter pemeriksaan kesihatan yang dikendalikan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Manjung. Para pengunjung boleh memeriksa tekanan darah dan kandungan gula dalam badan mereka. Selain itu, terdapat juga ruang pameran kesihatan yang memaparkan kempen antirokok dan gaya hidup sihat.

Pada jam 10.00 pagi, para pengunjung semakin ramai. Terdapat gerai yang dikerumuni oleh pelanggan. Kumpulan murid yang mengendalikan gerai tersebut tidak menangan untuk melayan pelanggan. Keadaan ini memberikan pengalaman yang amat bermakna kepada kami. Kami berasa gembira dan berpuas hati kerana dapat menimba pengalaman yang menarik itu.

Pada jam 2.45 petang, terdapat acara cabutan bertuah untuk para pengunjung. Acara inilah yang ditunggu-tunggu oleh para pengunjung kerana hadiah yang menarik ditawarkan seperti barangan elektrik dan basikal. Acara cabutan bertuah tersebut diselang-seli dengan persembahan nasyid bekas pelajar sekolah ini.

Program Hari Keusahawanan ini berakhir pada jam 6.00 petang. Semua gerai memperoleh keuntungan. Malahan pihak sekolah telah berjaya mengutip RM10 000 hasil jualan. Kutipan ini melebihi sasaran yang ditetapkan, iaitu RM5000. Menurut pengetua, kejayaan sambutan Hari Keusahawanan ini hasil sokongan semua pihak. Beliau mengucapkan terima kasih dan berharap

agar program seumpama ini dapat dijalankan pada tahun hadapan.

Soalan 3

Terima kasih kepada saudara pengerusi majlis. Yang Berusaha Tuan Pengetua, barisan panel hakim yang arif lagi bijaksana, barisan guru dan rakan-rakan seperjuangan yang saya kasihi sekalian. Pertama sekali saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk 'Cara-cara Mengurus Kewangan dengan Bijak'.

Hadirin yang disayangi,

Dasawarsa ini, peningkatan kos sara hidup dalam negara kita semakin merunsingkan pemikiran masyarakat. Keupayaan membeli bagi pengguna semakin berkurangan disebabkan tekanan ekonomi adalah realiti yang kurang baik untuk ekonomi negara. Jadi bagi mengekalkan simbiosis antara pembekal dan pembeli, keupayaan membeli boleh dijalankan dengan mempraktikkan amalan berjimat cermat. Pelbagai manfaat yang akan diperoleh terutamanya kepada golongan generasi muda kini jika mengamalkan amalan berjimat cermat dalam berbelanja.

Pertama, simpan dahulu sebelum berbelanja. Sasarkan untuk mengasing atau menyimpan dahulu 10 hingga 15 peratus dari pendapatan anda sebelum melakukan apa jua perbelanjaan. Fikirkan simpanan ini sebagai wang kecemasan untuk masa depan anda. Semakin banyak anda berjimat sekarang atau hari ini, semakin selesa situasi kewangan anda pada masa hadapan, terutamanya apabila anda memanfaatkan faedah kompaun untuk meningkatkan simpanan anda.

Hadirin yang saya kasihi,

Selain itu, tetapkan matlamat kewangan yang spesifik. Penetapan matlamat boleh membantu anda terus fokus dan bermotivasi. Matlamat anda harus spesifik supaya berkesan. Senaraikan semua matlamat kewangan anda untuk jangka masa pendek iaitu dari 6 bulan hingga 5 tahun, sederhana (5-10 tahun), dan jangka panjang (lebih dari 10 tahun). Nilai sasaran dan rancangan anda untuk mencapai matlamat-matlamat ini mesti spesifik dan anda perlu berpegang teguh kepada rancangan-rancangan ini.

Di samping itu, tentukan keutamaan anda,

belanjakan apa yang perlu. Will Rogers pernah berkata bahawa terlalu ramai orang membelanjakan wang yang belum mereka perolehi, untuk membeli barangan yang mereka tidak ingini semata-mata untuk mengagumkan orang yang mereka tidak sukai. Sudah tentu, kita boleh berbelanja berlebihan dan mempunyai barang-barang cantik atau berjenama, tetapi tak usahlah jika kebebasan kewangan kita terkorban. Hadirin yang saya hormati,

Akhir kalam, amalan berjimat cermat dapat membantu dalam menguruskan kewangan golongan muda terutamanya dalam menghadapi tekanan ekonomi yang serba tidak menentu pada hari ini. Golongan muda hendaklah memulakan langkah ini bagi mendapat manfaatnya pada waktu kelak. Seperti peribahasa Melayu berkata, sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit yang bermaksud jika kita mengamalkan sesuatu perkara itu sedikit demi sedikit nanti hasilnya akan banyak seperti bukit. Semoga golongan muda sedar akan kepentingan mengurus kewangan mereka dengan amalan berjimat cermat agar melahirkan masyarakat yang bijak dan progresif.

TEMA 10 PELANCONGAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A

1 A	2 D	3 C	4 C	5 B
6 A	7 D	8 D	9 C	10 B
11 D	12 C	13 A	14 D	15 B

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Maklumat di atas menunjukkan kepentingan industri pelancongan. Antara kepentingan industri pelancongan ialah dapat memangkin ekonomi negara. Selain itu, dapat merancang pembangunan infrastruktur. Seterusnya, seni budaya dan alam semula jadi dihargai. Di samping itu, dapat menarik pelabur asing untuk melabur dalam negara. Tambahan lagi, wujud kesan berganda dalam pelbagai industri tempatan. Akhir sekali, menjadi wakil dan contoh perpaduan di peringkat antarabangsa. Kesimpulannya, sektor pelancongan haruslah dipertingkatkan dari segala sudut agar sektor ini lebih maju.

KERTAS 1**BAHAGIAN C**

Petikan membincangkan kebaikan permainan tradisional. Antara kebbaikannya ialah dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan atau persahabatan. Selain itu, dapat membina sikap sabar dan kerjasama dalam kalangan pemainnya. Seterusnya, permainan tradisional juga dapat menjimatkan wang dan kos pembuatan. Di samping itu, permainan tradisional merupakan warisan budaya negara yang tidak ternilai harganya. Akhir sekali, permainan tradisional dapat dijadikan suatu produk pelancongan yang menguntungkan negara. Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bersama-sama menjaga permainan tradisional agar dapat dikekalkan sepanjang zaman.

KERTAS 2**BAHAGIAN A**

Maklumat di atas menunjukkan resipi akok Kelantan. Kuih akok ialah kuih tradisi di negeri Kelantan dan Terengganu. Kuih ini sangat enak dinikmati untuk minum petang ataupun sebagai juadah berbuka puasa di bulan Ramadan. Kuih akok yang asli teksturnya lembut, rasanya lemak manis, baunya wangi dan cair di mulut apabila dimakan. Selain perisa biasa, perisa pandan dan perisa jagung juga popular. Kuih akok ini boleh dimasak secara tradisional dengan cara bakar atau secara moden dengan menggunakan ketuhar. Kesimpulannya, kuih tradisional masih menjadi kegemaran masyarakat pada masa ini.

BAHAGIAN B**Soalan 1**

Jika ditelusuri pada zaman nenek dan moyang kita, cara hiburan mereka adalah dengan melihat persembahan tari-menari atau wayang kulit di kawasan pantai timur khususnya. Namun kini ianya semakin dilupakan oleh generasi pada hari ini kerana kelihatan tidak relevan dan ketinggalan zaman. Oleh itu, kita seharusnya mengubah pandangan sarwa ini supaya peninggalan datuk dan nenek kita tidak tenggelam dek zaman. Pihak berkuasa seperti pemimpin negara hendaklah

mencari satu mekanisme sebagai usaha mengekalkan seni budaya demi generasi masa hadapan negara.

Langkah pertama yang perlu dilaksanakan bagi melestarikan warisan seni dan budaya dalam masyarakat pada hari ini adalah menggunakan platform media massa untuk membuka kembali mata masyarakat yang hilang dibawa arus hiburan negara asing. Pihak berkuasa wajar mengambil kesempatan yang sama untuk menyajikan filem, drama, sketsa malah iklan berkaitan dengan seni dan budaya masyarakat kita di seluruh media massa. Stesen televisyen yang menjalankan operasi mereka mengejar rating hendaklah diseimbangkan dengan usaha melestarikan seni dan budaya yang kita miliki.

Dalam masa yang sama, menjadikan warisan seni budaya sebagai salah satu subjek wajib dalam pendidikan pada peringkat sekolah rendah atau menengah. Mata pelajaran seni sudah pun dilaksanakan di sekolah namun ia perlu ditambah baik dengan lebih banyak pengisian mengenai kesenian dan persembahan masyarakat kita. Wujudkan satu minggu penghargaan kesenian dan budaya pada peringkat kebangsaan agar pelajar dapat menyertai aktiviti-aktiviti yang berkaitan untuk mempelajari dan memahaminya. Dengan ini, mereka akan lebih menghargai dan tersemat dalam hati mereka sifat cinta akan kesenian dan kebudayaan warisan.

Usaha lain yang wajar untuk dilaksanakan adalah dengan memelihara kesenian dan budaya yang masih ada ketika ini. Pihak berkuasa yang banyak menganjurkan aktiviti kemasyarakatan wajar memberi peluang kepada penggiat kesenian tanah air untuk mempersembahkan seni mereka kepada orang ramai. Penubuhan Sekolah Seni di seluruh negara pasti dapat menghasilkan generasi muda yang bakal menyambung legasi penggiat kesenian yang terdahulu. Usaha ini mustahak kerana kebanyakan penggiat seni yang menetap di luar bandar tidak mempunyai pengganti akibat kurang minat atau tekanan ekonomi.

Konklusinya, pelbagai usaha melestarikan seni dan budaya dapat dijayakan sekiranya setiap pihak bersepakat mencapai objektif yang sama. Dengan iltizam dan matlamat yang betul, usaha ini pasti dapat melestarikan semula jati diri rakyat yang semakin pupus di Malaysia.

Elakkanlah daripada melakukan perkara sekerat jalan ibarat hangat-hangat tahi ayam. Kelak yang rugi adalah kita dan generasi akan datang yang tidak mengenal asal dan usul mereka kerana telah dikaburi dengan elemen kebudayaan dari negara asing.

Soalan 2

Pada hujung minggu yang lalu, saya dan kawan-kawan berkunjung ke Festival Kuih Tradisional yang berlangsung di Pusat Kesenian dan Warisan Negara. Festival ini diadakan bersempena Tahun Melawat Malaysia. Tujuan festival ini diadakan untuk memperkenalkan kuih tradisional kepada generasi muda yang semakin dilupakan dan ditelan zaman. Pada masa yang sama, untuk menghargai para peniaga dan pembuat kuih tradisional yang veteran dalam mengekalkan kuih tradisi ini.

Di festival tersebut terdapat tiga bahagian gerai yang dibahagikan mengikut kaum iaitu Melayu, Cina dan India. Ini bermakna, festival tersebut menyediakan kuih tradisional ketiga-tiga kaum tersebut. Pertama, kami berkunjung ke gerai kuih tradisional Melayu terlebih dahulu. Di sana terdapat hampir 50 jenis kuih tradisional yang saya sendiri tidak tahu akan wujudnya kuih tersebut. Namun begitu, yang menjadi kesukaan saya ialah kuih akok kerana ayah saya selalu membelinya semasa pulang ke kampung.

Selepas itu, kami berkunjung pula ke gerai kuih tradisional kaum Cina. Di sana juga tidak kurang hebatnya. Terdapat hampir 30 jenis kuih tradisional yang dijual untuk pengunjung yang datang. Kawan saya, Mei Ling memperkenalkan kepada kami satu persatu jenis kuih-kuih itu. Mei Ling amat tahu tentang kuih tradisional Cina kerana neneknya merupakan pembuat kuih tradisional Cina yang terkenal di Taiping. Dia mencadangkan kepada kami agar cuba merasa kuih bak chang iaitu sejenis kuih yang diperbuat daripada beras pulut dan intinya daripada kacang tanah.

Sesudah itu, kami berkunjung ke gerai kuih tradisional India. Di gerai pertama, kami diberikan manisan secara percuma. Rasanya sangat manis. Amir terbatuk-batuk semasa mencuba manisan itu. Kami semua ketawa melihat gelagat Amir.

Kami meneruskan perjalanan melihat kuih-kuih yang terdapat di sepanjang gerai. Tiba-tiba kami terlihat Raju iaitu kawan sekelas kami. Dia sedang membantu bapa saudaranya menjual sejenis kuih yang diberi nama palgova susu. Kami membeli kuih itu untuk dibawa pulang ke rumah.

Sebelum pulang, kami bergambar di hadapan pintu masuk festival tersebut. Di sana juga kami terjumpa beberapa orang artis tempatan dan Youtuber terkenal. Kami sempat berswafoto bersama mereka. Kami pulang menaiki bas. Kami tertidur di dalam bas kerana keletihan. Walaupun begitu, saya sangat gembira kerana dapat meluangkan masa bersama kawan-kawan dan dapat menikmati pelbagai kuih tradisional daripada pelbagai kaum. Saya berharap kami dapat berkunjung lagi ke festival sebegini.

Soalan 3

Terima kasih kepada saudara pengerusi majlis. Yang Berusaha Tuan Pengetua, barisan guru dan rakan-rakan yang saya kasihi sekalian. Pertama sekali saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak sekolah kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan sempena Hari Kesenian Negara.

Hadirin yang dihormati,

Malaysia terkenal dengan 'syurga makanan' di Nusantara. Baik penduduk Malaysia mahupun pelancong asing yang melancong ke Malaysia semestinya akan rambang mata dengan kepelbagaian juadah khususnya makanan tradisional yang ditawarkan di negara kita. Keunikan dan keenakan makanan tradisional yang dapat kita nikmati sememangnya tiada tolok bandingannya dengan makanan-makanan yang bertaraf antarabangsa serta menjadi sebahagian pemakin dalam pembangunan negara.

Pertama-tama, industri makanan tradisional dapat melahirkan modal insan yang berjati diri kebangsaan dan patriotik. Hal ini demikian kerana makanan tradisional penting dalam meneruskan adat serta warisan budaya setiap bangsa di Malaysia. Makanan tradisional merupakan elemen yang penting untuk melambangkan identiti dan keunikan sesuatu budaya dan bangsa. Oleh itu, jikalau anak muda di Malaysia sedar akan keunikan dan keistimewaan budaya masing-masing, maka tidak akan berlakunya

kehilangan dan kepupusan budaya.

Hadirin yang dikasihi,

Makanan tradisional tempatan juga menjadi pemangkin dalam usaha memajukan industri pelancongan di dalam negara kita. Makanan tradisional seperti sate, roti canai dan nasi ayam Hainan dapat menggamit pelancong untuk datang berkunjung, selain menghayati keindahan landskap Malaysia. Hal ini demikian kerana cita rasa Malaysia yang istimewa dan berlainan daripada makanan-makanan di negara asing semestinya dapat menarik perhatian dan membuka selera para pelancong sama ada pelancong asing mahupun pelancong tempatan. Malahan, terdapat sesetengah pelancong yang melawat ke Malaysia semata-mata untuk menikmati keenakan dan keunikan makanan tradisional yang kaya dengan pelbagai resipi dan rempah-ratus.

Makanan tradisional juga mampu untuk menaikkan kehidupan masyarakat khususnya penduduk luar bandar. Makanan tradisional seperti keropoklekor, budu dan kerepek pisang memainkan peranan yang amat penting dalam memajukan industri kecil-kecilan di perkampungan. Sebagai contoh, pihak kerajaan telah memperkenalkan perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di beberapa negeri seperti Kelantan, Perak dan Terengganu yang bertujuan untuk merancakkan hub industri pemakanan tradisional sebagai input dan penjana ekonomi utama penduduk kampung dan sekitarnya.

Hadirin yang dikasihi,

Tuntasnya, industri makanan tradisional memainkan peranan yang penting dalam proses pembangunan bangsa dan negara selain merupakan wahana yang efektif untuk mempromosikan keistimewaan dan keunikan yang dimiliki masyarakat majmuk di negara kita ke pentas antarabangsa. Kata orang, tak kenal maka tak cinta. Oleh sebab itu, semua pihak termasuklah rakyat jelata haruslah berganding bahu untuk memajukan industri pemprosesan makanan tradisional sehingga ke peringkat antarabangsa.

TEMA 12 SUKAN DAN REKREASI

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) beprestasi – berprestasi
(ii) Tengara – Tenggara
(iii) Pesekutuan – Persekutuan
- 2 (i) menjalani – menghadapi
(ii) hari – Hari
(iii) pada – di
- 3 (i) Ridzuan tidak menjadikan kekurangan fizikalnya sebagai halangan untuk berjaya.
(ii) Atlet perlu mengambil makanan mengikut sukatan yang sesuai.
- 4 (i) Badan sihat, otak cerdas.
(ii) Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.
(iii) Alah bisu, tegal biasa.
- 5 (a) Memberi pengetahuan dalam meningkatkan kemahiran sosial dan mengendalikan emosi ketika berada di bawah tekanan dan menjalani kehidupan yang bahagia.
(b) – isu psikososial dan persekitaran, isu kewangan merangkumi kehilangan sumber pendapatan atau pekerjaan, penyakit mental seperti kemurungan, kurang sokongan sosial dan penyalahgunaan substans.
(c) – menyediakan suasana kelas yang kondusif dan ceria.
– tidak membebankan murid dengan kerja sekolah yang banyak.
– memberi nasihat dan galakan jika murid bermasalah, bukannya memarahi dan menambahkan tekanan murid.

6

Novel Destinasi Impian

Berdasarkan novel Destinasi Impian, latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat yang aktif bersukan. Sebagai contoh, Azlina selalu berjoging dan tidak mempunyai masalah untuk menyertai ekspedisi berbasikal.

Selain itu, masyarakat yang penyabar. Sebagai contoh, Johari sangat bersabar dengan Firdaus yang asyik merungut ingin membatalkan ekspedisi berbasikal yang disertainya.

Di samping itu, masyarakat lelaki yang berperwatakan seperti perempuan. Sebagai contoh, Firdaus yang membesar dengan adik-beradik perempuan, seorang yang lemah lembut dan pandai menggubah bunga.

Seterusnya, masyarakat yang mementingkan diri sendiri. Pemandu lori yang memandu dengan laju sehingga Azlina terbabas dan terjatuh di kiri jalan.

Selanjutnya, masyarakat yang angkuh selepas mengecapi kejayaan. Firdaus lupa diri selepas mendapat pujian daripada rakan-rakannya.

Akhir sekali, masyarakat yang memiliki semangat juang yang tinggi. Sebagai contoh, Azlina dan Johari kekal bersemangat ketika berbasikal ke Morib.

Novel Formula Termodinamik

Berdasarkan novel Formula Termodinamik, latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat yang menghormati hak dan pendapat orang lain. Sebagai contoh, Amir tidak kisah jika Aswan ingin bersaing dengannya dalam mengubah suai mesin malah bersenang hati berkongsi ilmu dengan orang lain.

Selain itu, masyarakat yang cemburu dan dengki terhadap kejayaan orang lain. Sebagai contoh, Aswan bertekad untuk menentang Amir dan Usamah dengan apa cara sekalipun asalkan mereka tidak menempa nama di Kampung Warisan.

Di samping itu, masyarakat yang kreatif dan gigih berusaha sehingga berjaya. Sebagai contoh, Amir dan Usamah berusaha bersungguh-sungguh mengubah suai mesin untuk kegunaan orang kampung dan berjaya memenangi anugerah saintis muda.

Akhir sekali, masyarakat kampung yang masih mengamalkan tradisi bergotong-royong. Sebagai contoh, Amir sangat bangga dengan semangat gotong-royong yang masih menjadi amalan penduduk Kampung Warisan termasuk pada musim menanam padi.

Novel Pelari Muda

Berdasarkan novel Pelari Muda, latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat yang terdiri daripada ahli sukan atau atlet yang mewakili negara. Sebagai

contoh, Kamarul dan Sures gigih berlatih untuk meningkatkan prestasi mereka sebelum mewakili negara di Sukan SEA.

Selain itu, masyarakat remaja yang bersekolah dan mempunyai pelbagai perasaan. Sebagai contoh, Saridah yang meluahkan rintihan dan kekecewaannya kepada Juriah akan hubungannya yang semakin renggang dengan Kamarul.

Di samping itu, masyarakat yang prihatin terhadap nasib orang lain. Sebagai contoh, Saridah dan Encik Kadir yang melawat Kamarul di hospital selepas di terlibat dengan kemalangan jalan raya.

Akhir sekali, masyarakat yang tegas dalam menjalankan tugas. Sebagai contoh, Adibah yang tegas dalam menjalankan tugas sebagai ketua kelas telah menghalang Kamarul untuk berjumpa dengan Cikgu Zainal semasa sesi pembelajaran dan pengajaran diadakan.

Novel Sejambak Bakti

Berdasarkan novel Sejambak Bakti, latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat yang gigih berusaha. Sebagai contoh, Razali dan rakan-rakannya berusaha membangunkan koperasi sekolahnya dengan menternak ayam telur dan mewujudkan bilik bacaan.

Selain itu, masyarakat yang mempunyai semangat setia kawan yang kuat. Sebagai contoh, Ramlah dan Saridevi memujuk Razali yang telah difitnah oleh Munir kerana dipercayai fitnah yang dilakukan oleh Munir.

Di samping itu, masyarakat yang cemburu atas kejayaan orang lain. Sebagai contoh, Munir, Leong dan Silvam cemburu akan Razali yang dilantik sebagai penolong setiausaha koperasi sekolah.

Seterusnya, masyarakat yang sabar dengan dugaan. Sebagai contoh, Razali menunjukkan kesabarannya menghadapi kerenah Munir, Leong dan Silvam yang tidak putus asa untuk menjatuhkannya.

Akhir sekali, masyarakat yang mengenang budi. Sebagai contoh, Razali berhutang budi kepada Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia yang memilihnya untuk menyertai kursus.

BAHAGIAN B**Soalan 1**

Sejak kebelakangan ini, isu kemurungan menjadi polemik dalam masyarakat. Masalah kemurungan berpunca daripada tekanan atau stres yang berpanjangan, keterlaluan dan tiada kemampuan daya tindak seseorang individu terhadap masalah tersebut. Justeru, wajar untuk kita bincangkan apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi tekanan atau stres sebagai panduan kepada masyarakat hari ini.

Tekanan boleh diatasi dengan berkongsi masalah atau bercerita tentang perkara yang dilalui kepada individu yang dipercayai. Sebagai contoh, apabila majikan memarahi pekerja tentang tugas yang diberikan, pekerja tersebut berasa tertekan dan tidak tahu cara untuk menyelesaikan masalah terbabit untuk mengurangkan stres. Maka, pekerja tersebut boleh mencari rakan kerja yang berkecimpung dalam bidang yang sama seterusnya berkongsi masalah dan berbincang tentang jalan penyelesaian terbabit.

Alternatif lain yang dapat dilakukan oleh individu bagi mengelakkan tekanan adalah dengan melakukan aktiviti riadah seperti bersenam atau bersukan. Umum mengetahui bahawa aktiviti riadah mendatangkan pelbagai manfaat sekiranya kita aktif dalam menyertainya. Misalnya, apabila seseorang bermain sukan badminton bersama rakan-rakan, secara zahirnya mereka dapat melepaskan tekanan yang mereka alami dengan menghasilkan pukulan smesy ke arah lawan. Tambahan pula permainan sukan mewujudkan semangat setia kawan dan kerjasama. Satu bentuk kepuasan akan diperoleh sekiranya pasukan individu tersebut memenangi permainan yang disertai.

Jika dilihat pada sudut pandang yang berlainan, tekanan dapat dielakkan dengan mendekatkan diri kepada Tuhan. Hal ini dikatakan demikian kerana, ketenangan hati dan segala urusan duniawi adalah kurniaan dan ujian yang diberikan oleh Tuhan. Maka, kita seharusnya sentiasa bermuhasabah diri atas perkara atau kehidupan yang kita jalani, seiring dengan ajaran dan kehendak-Nya. Setiap agama mengetengahkan konsep kebaikan dan nilai-nilai

murni supaya kita tidak terjerumus dalam lembah duniawi yang tidak kekal dan bersifat sementara.

Kesimpulannya, terdapat banyak langkah menghilangkan stres atau tekanan yang boleh dilakukan bagi mengatasinya. Ia adalah perasaan semula jadi yang ada pada setiap individu. Pelbagai faktor yang menyumbang kepada desakannya terhadap seseorang. Dengan kesedaran masyarakat yang semakin baik terhadap perkara ini, semua pihak seharusnya menggembleng tenaga bagi memperkenalkan mekanisme kawalan terhadap tekanan atau stres yang dihadapi oleh ahli masyarakat. Perkara ini boleh diputar menjadi sumber motivasi seseorang untuk mencapai segala bentuk kejayaan dalam bidang yang mereka ceburi.

Soalan 2

Pada hari Jumaat yang lalu, sekolah saya telah mengadakan sambutan Hari Sukan Negara peringkat sekolah. Saban tahun negara kita mengadakan Hari Sukan Negara. Oleh itu, pihak sekolah juga disarankan agar menjayakannya pada peringkat sekolah. Tujuan Hari Sukan Negara diadakan di sekolah untuk menggalakkan murid-murid dan warga sekolah agar terus sihat demi meneruskan kehidupan yang lebih baik.

Pada pagi itu, murid-murid dan guru-guru berkumpul di dataran perhimpunan dengan berpakaian sukan. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, lagu negeri dan lagu sekolah. Selepas itu, Pengetua menyampaikan ucapan alu-aluan bagi memberi gambaran tentang keseluruhan aktiviti yang akan dilaksanakan pada hari tersebut. Sesudah itu, warga sekolah melakukan aktiviti senamrobik yang dipimpin oleh kelab aerobik sekolah. Sebanyak sepuluh lagu dimainkan untuk melakukan aktiviti senamrobik ini.

Pada jam 9.30 pagi, murid-murid dibenarkan untuk rehat. Saya dan Lili pergi ke koperasi untuk membeli minuman isotonik bagi mengembalikan tenaga. Pada jam 10.00 pagi, aktiviti diteruskan lagi dengan pertandingan badminton, bola tampar, dan bola keranjang mengikut rumah sukan. Saya diarahkan oleh guru untuk menyertai pertandingan bola keranjang bagi mewakili rumah sukan kuning, dek saya merupakan pemain bola keranjang peringkat negeri.

Selepas pertandingan tamat, pertunjukkan sukan berkuda dipertontonkan kepada warga sekolah. Sukan berkuda sangat bagus untuk melegakan badan yang lenguh akibat daripada penat belajar dan bekerja seharian. Pada masa yang sama, pertunjukkan memanah daripada Persatuan Memanah Negeri Perak juga melakukan persembahan di samping mencari bakat baharu dalam sukan memanah. Apa yang menarik perhatian saya, seorang pemanah telah memanah buah epal yang diletakkan atas kepala kawannya.

Sebelum pulang, kami diberikan minuman milo percuma yang ditaja khas oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Sungguh menggamit nostalgia apabila hampir tiga tahun kami tidak merasa minuman milo daripada van milo bergerak. Rasa air milo yang sejuk menyegarkan badan kami dek cuaca yang sangat panas. Kami dibenarkan pulang pada jam 1.30 tengah hari. Saya berasa sangat seronok dengan aktiviti yang dilaksanakan. Diharapkan agar aktiviti sebegini dilaksanakan lagi pada masa akan datang.

Soalan 3

Salam sejahtera saya ucapkan kepada pengacara majlis, panel hakim, guru-guru dan rakan-rakan yang saya hormati sekalian. Hadirnya saya di pentas yang indah ini bertujuan untuk menyampaikan syarahan yang bertajuk, 'Rekreasi Dapat Memberikan Manfaat kepada Masyarakat'. Hadirin yang dihormati,

Rekreasi atau riadah ialah kegiatan yang menyeronokkan, yang boleh menyegarkan badan dan melapangkan fikiran melalui istirehat dan aktiviti yang menghiburkan hati. Oleh itu, masyarakat hari ini tidak boleh menjadikan kesibukan bekerja sebagai alasan untuk tidak berekreasi. Kita akan memperoleh pelbagai manfaat melalui aktiviti rekreasi.

Aktiviti seperti berjoging, berbasikal dan mendaki gunung boleh menyihatkan tubuh badan. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila kita beriadah, kadar lemak yang terkumpul di dalam badan dapat dikurangkan. Badan kita akan berpeluh. Apabila badan kita sihat, penyakit berbahaya seperti penyakit jantung, kencing manis dan darah tinggi dapat dihindari bak kata pepatah Melayu mencegah lebih baik daripada mengubati.

Hadirin yang dikasihi,

Selain itu, aktiviti riadah yang dilakukan pada setiap hujung minggu juga mampu menjadi pemangkin untuk mengurangkan tekanan perasaan atau stres dalam diri seseorang. Keletihan dan bebanan kerja yang berterusan menyebabkan seseorang menghadapi kemurungan, lesu dan tidak bersemangat. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan prestasi kerja merosot dan mengundang pelbagai impak negatif seperti mendapat teguran daripada pihak atasan, dilucutkan jawatan dan sebagainya. Oleh itu, kita perlu menenangkan fikiran dengan melakukan aktiviti riadah.

Kebanyakan ibu bapa pada zaman sekarang sibuk bekerja menyebabkan masa untuk bersama-sama dengan anak-anak begitu terhad. Oleh itu, aktiviti riadah yang dilakukan bersama-sama dengan keluarga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Semasa beriadah, ibu bapa boleh menasihati anak-anak tentang nilai murni dalam kehidupan sehari-hari. Hadirin yang dihormati,

Kesimpulannya, kita perlu mempunyai kesedaran tentang kepentingan berekreasi. Amalkan aktiviti berekreasi dalam kehidupan sehari-hari. Negara yang maju lahir daripada masyarakat yang sihat dan cergas. Sekian, terima kasih.

TEMA 13 PENGANTARABANGSAAN INDUSTRI NEGARA

KERTAS 1

BAHAGIAN A

1 C	2 B	3 C	4 A	5 D
6 A	7 D	8 B	9 C	10 D
11 A	12 C	13 D	14 D	15 B

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Maklumat di atas menunjukkan ciri-ciri usahawan yang berjaya. Antara ciri usahawan berjaya ialah bijak dalam menangani masalah yang dihadapi. Selain itu, mengaplikasikan teknologi dengan baik untuk pemasaran. Seterusnya, berpandangan jauh dan berfikiran positif. Di samping itu, tidak cepat berputus asa jika gagal. Akhir sekali, sentiasa

berusaha perbaiki diri ke arah yang lebih baik. Kesimpulannya, seorang usahawan harus tabah bagi mengekalkan perniagaan yang diusahakan.

TEMA 14 WADAH ILMU

KERTAS 1

BAHAGIAN C

Antara kelebihan penubuhan Sekolah Wawasan termasuklah dapat menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia. Mereka dapat saling bergaul dan menghayati budaya kaum-kaum lain. Selain itu, semangat patriotik juga dapat dipupuk. Pengalaman menghadapi kegembiraan dan kekecewaan bersama-sama dapat mewujudkan semangat kekitaan dalam diri murid-murid. Seterusnya, penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dapat ditingkatkan kerana murid-murid berbilang bangsa akan berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Kemudahan yang terdapat di Sekolah Wawasan juga lebih lengkap kerana sekolah tersebut memperoleh peruntukan yang secukupnya untuk membina pelbagai kemudahan.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Setiap pelajar mempunyai impian untuk menjadi pelajar cemerlang. Antara ciri pelajar cemerlang ialah bermoral tinggi dan berakhlak baik terhadap semua orang. Selain itu, belajar daripada kesilapan untuk buat yang lebih baik. Seterusnya, menjaga kesihatan dan kebersihan diri. Di samping itu, mengulang kaji pelajaran pada setiap hari. Selanjutnya, menumpukan perhatian dalam pembelajaran semasa guru mengajar. Akhir sekali, aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Kesimpulannya, setiap pelajar perlu mempunyai ciri-ciri ini jika mereka ingin berjaya dalam pelajaran dan mempunyai masa depan yang cerah.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Belakangan ini, soal pembinaan modal insan adalah antara perkara yang menjadi agenda utama pembangunan negara. Kejayaan murid-murid dalam pelajaran menjadi agenda

perdana setiap sekolah kerana mereka merupakan modal insan yang bakal memacu negara agar berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju yang lain. Pada pendapat saya, pelbagai faktor yang dapat dikenal pasti mampu mempengaruhi kejayaan seseorang murid dalam pelajaran.

Pembelajaran di dalam bilik darjah merupakan faktor perdana yang mempengaruhi kejayaan seseorang murid dalam pelajaran. Pembelajaran dan pengajaran yang berlaku secara kondusif di dalam bilik darjah merupakan kunci utama kejayaan seseorang murid. Bilik darjah yang mempunyai sistem pengudaraan yang baik, susun atur peralatan yang memudahkan pergerakan pelajar, memiliki ciri-ciri keselamatan, bersih dan ceria menjadi pendorong kepada murid-murid untuk belajar dengan selesa. Apabila murid-murid berasa selesa, mereka akan lebih fokus terhadap pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah.

Seterusnya, program-program sekolah yang dirancang juga mampu mempengaruhi kejayaan seseorang murid dalam pelajaran. Program-program yang dirancang oleh Jawatankuasa Kurikulum Sekolah dan panitia mata pelajaran sama ada di dalam atau di luar sekolah berupaya mencemerlangkan murid-murid. Program-program seperti Kem Wacana Akademik, Ceramah Teknik Menjawab, Bengkel Akademik, Ceramah Motivasi dan sebagainya mampu meningkatkan keupayaan murid dalam pelajaran. Program-program yang dirancang seperti ini membolehkan murid-murid menguasai topik-topik utama dengan mudah dan berupaya menjawab soalan peperiksaan dengan baik.

Selain itu, murid-murid yang mengikuti kelas-kelas tuisyen juga mampu berjaya dalam pelajaran. Ramai ibu bapa sekarang menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas tuisyen berbayar di luar waktu persekolahan untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran anak-anak mereka dalam pelajaran. Mereka tidak menghiraukan tentang kos yang perlu dibayar kepada pusat tuisyen kerana mereka mengharapkan anak-anak mereka berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran.

Akhir sekali, dorongan daripada ibu bapa juga

mempengaruhi kejayaan seseorang murid dalam pelajaran. Ibu bapa merupakan orang yang paling dekat dengan anak-anak mereka. Setiap ibu bapa menginginkan anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran. Tiada ibu bapa yang mahu melihat anak-anak mereka gagal melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi. Mereka akan melakukan apa sahaja bagi memastikan anak-anak mereka, cemerlang dalam peperiksaan kerana pada pendapat mereka 'Di Mana Ada Kemahuan di Situ Ada Jalan'.

Kesimpulannya, aset yang paling berharga bagi sesebuah negara adalah warganya. Modal insan inilah yang menjadi aset yang boleh disuntik nilai tambah untuk menjana pembangunan negara. Kejayaan murid-murid dalam pelajaran menjadi keutamaan dalam membina modal insan yang berwawasan. Anak-anak yang cemerlang dalam pelajaran dapat menjana idea untuk memacu negara ke arah pembangunan negara.

Soalan 2

Pada tanggal 20 Mei 2025 yang lalu, lawatan sambil belajar ke bangunan Parlimen di Kuala Lumpur telah diadakan yang melibatkan seramai 40 pelajar daripada Persatuan Pendidikan Moral Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai Remis, Perak. Lawatan sambil belajar ini turut disertai oleh dua orang guru pengiring iaitu Cikgu Airui dan Cikgu Chuan.

Pada awal pagi kira-kira pukul 5.30 pagi, kami dikehendaki berkumpul di perkarangan sekolah. Sarapan pagi yang ringkas iaitu nasi lemak, kuih- muih dan teh telah disediakan oleh pihak sekolah selepas kami selesai menunaikan solat subuh secara berjemaah di surau sekolah. Sebelum menaiki bas yang disewa khas untuk tujuan lawatan, kami terlebih dahulu mendengar taklimat yang diberikan oleh Cikgu Airui. Kami berasa sungguh teruja dan tidak sabar untuk sampai ke destinasi yang ingin dituju.

Sebaik sahaja kami tiba di pintu masuk utama bangunan itu, seorang pegawai bertugas telah menyambut kami dengan mesra. Kami dibawa melawat dan bersiar-siar di sekitar bangunan Parlimen yang meliputi taman-taman dan kolam ikan yang dibina di hadapan bangunan tersebut. Kemudian, barulah kami dibawa masuk ke dalam bangunan Parlimen. Perbahasan ahli-ahli

parlimen yang akan akan berlangsung sebentar lagi akan dapat kami saksikan dan kami berasa sangat bertuah dengan peluang yang diberikan.

Isu perbahasan yang dibincangkan adalah mengenai e-pendidikan. Ada sebahagian ahli yang berdiri untuk membangkang cadangan yang diusul dan tidak kurang juga segelintir ahli yang mempertahankan usul itu. Suasana dewan menjadi lebih gamat apabila segelintir ahli mengetuk meja sebagai tanda bantahan. Perbahasan yang dibincangkan di dewan itu mengambil masa selama 45 minit.

Perbahasan isu e-pendidikan sungguh rancak dengan pelbagai pendapat, idea dan juga bantahan daripada pihak pembangkang. Hal ini jelas menunjukkan bahawa betapa pentingnya isu yang dibahaskan terhadap masa depan anak-anak. Kesemua ahli parlimen telah meninggalkan dewan sejurus sahaja perbahasan tamat. Kami telah bersalaman dengan speaker Parlimen. Kami berasa sungguh gembira dan teruja kerana dapat berjumpa dengan pegawai itu.

Makan tengah hari telah disediakan untuk kami di dewan makan. Selepas urusan kami selesai di bangunan Parlimen itu, lawatan kami ke Kuala Lumpur diteruskan. Akhir sekali, kami berharap lawatan sambil belajar seperti ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang. Kami tiba di sekolah pada hari yang sama iaitu pada jam 10 malam.

Soalan 3

Salam sejahtera dan salam pendidikan. Yang dihormati saudara pengerusi majlis, panel hakim yang adil lagi bijaksana, penjaga masa yang tidak alpa akan setiap detik waktunya, para peserta yang saya kagumi, serta hadirin yang saya kasihi. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah 'Ciri-ciri Pembelajaran Abad ke-21'.

Hadirin yang saya hormati,

Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) merupakan pembelajaran berpusatkan murid. Di dalam bilik darjah, murid perlu aktif menjalankan aktiviti pembelajaran. Aktiviti pembelajaran bukan lagi dipimpin oleh guru semata-mata tetapi turut melibatkan peranan murid bagi menjayakan sesuatu proses pembelajaran. Murid juga perlu bijak mencari bahan dan aktif bersoal jawab dengan guru semasa pembelajaran.

Pembelajaran secara kolaboratif juga penting dalam PAK21. Pelaksanaannya boleh dilakukan antara guru dengan murid, murid dengan murid ataupun murid dengan teknologi maklumat. Pembelajaran secara kolaboratif dapat mengubah suasana pembelajaran menjadi lebih aktif dan menyeronokkan. Mereka akan bantu membantu untuk menyelesaikan masalah pembelajaran.

Hadirin yang saya kasihi,

PAK21 mempunyai matlamat supaya murid dapat mengaplikasikan pelbagai kemahiran semasa pembelajaran dan pengajaran. Mereka akan menguasai kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berbahasa, dan kemahiran reka cipta dengan baik.

Seterusnya, murid dapat belajar secara 'hands on' sehingga mampu menghasilkan sesuatu. Pembelajaran secara teori sahaja tidak digalakkan dalam PAK21. Murid perlu menghasilkan sesuatu seperti membuat pembentangan kertas kerja, memberikan pendapat, menghasilkan model projek dan sebagainya. Mereka juga mestilah mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan berani. Hasil tugas murid dinilai secara pentaksiran sumatif bukan hanya secara formatif.

Hadirin yang saya sayangi,

Akhir sekali, PAK21 juga mementingkan aspek kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan peta pemikiran 'i-think'. Kesemua alat pemikiran ini hendaklah digunakan dalam strategi PAK21. Hal ini akan membantu murid berfikir secara kreatif dan kritis. Apabila murid berfikir secara kreatif dan kritis, maka banyak reka cipta dan inovasi dapat dihasilkan.

PAK21 sangat penting bagi melahirkan modal insan cemerlang yang mampu bersaing pada peringkat global. Modal insan yang sempurna pasti dapat menaikkan nama negara di persada antarabangsa.

TEMA 15 BAHASA DAN KESUSASTERAAN

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) Oktobar – Oktober
- (ii) petama – pertama
- (iii) Sesisapa – sesiapa

- 2 (i) Ramai murid-murid – ramai murid
- (ii) di – dalam
- (iii) oleh media – oleh pihak media
- 3 (i) Subjek : Minggu Bahasa
Predikat : diadakan untuk meningkatkan rasa cinta akan bahasa Kebangsaan.
- (i) Subjek : Kehidupan di desa
Predikat : lebih tenang dan penuh santun berbahasa.
- 4 (i) Melentur buluh biarlah dari rebungunya.
- (ii) Membaca jambatan ilmu.
- 5 (a) Bulan Bahasa Kebangsaan merupakan suatu program yang memfokuskan kempen cintai bahasa Melayu yang dipelopori penganjurannya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (b) – mendidik masyarakat berbilang bangsa agar dapat menyemarakkan dan memartabatkan bahasa kebangsaan
- memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia
- (c) – tuntutan bahasa Inggeris dalam dunia teknologi
- melatih dari awal agar menjadi suatu kebiasaan
- berasa hebat apabila berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris

6

Novel Destinasi Impian

Berdasarkan novel Destinasi Impian karya Mohd Ismail bin Sarbini terdapat beberapa pengajaran dipaparkan dalam novel ini. Antaranya ialah kita hendaklah berani menyalut cabaran. Azlina seorang perempuan berumur 16 tahun, pelajar tingkatan 4 sanggup menerima cabaran untuk mengayuh basikal sejauh 50 kilometer. Sebagai seorang pelajar, dia mempunyai daya juang yang tinggi dan penyabar.

Selain itu, kita haruslah insaf atas kesalahan yang telah kita lakukan. Firdaus akhirnya menyesal apabila sedar dari melakukan kesilapan. Beliau seorang yang panas baran, pembohong dan bersifat angkuh. Selepas peristiwa lemas di pantai, dia mula sedar dan insaf dari kesalahannya.

Pengajaran terakhir dalam novel ini ialah kita hendaklah prihatin dan murah hati terhadap insan lain. Johari sentiasa membantu sepupunya apabila ditimpa kemalangan. Beliau cepat-cepat

datang memberi bantuan kepada Firdaus dan Azlina ketika jatuh dari basikal.

Novel Formula Termodinamik

Berdasarkan novel Formula Termodinamik, pengajaran yang terdapat dalam novel ini ialah kita hendaklah mengamalkan sikap bekerjasama. Contohnya, penduduk Kampung Warisan, Papar bergotong-royong mengusahakan penanaman padi untuk memastikan kerja-kerja pertanian dapat dilakukan dengan lebih cepat.

Selain itu, kita semestinya memiliki sikap kasih sayang. Contohnya, Intan berasa risau dan amat bimbang akan keselamatan Amir apabila anaknya itu meninggalkan rumah tanpa memberi sebarang pesan.

Seterusnya, kita sewajarnya memiliki sikap jujur. Contohnya, Fikri menentang hasrat Aswan memindahkan wang Syarikat Bahagia sebanyak RM1.3 juta kerana menganggap perbuatan itu tidak bermoral.

Di samping itu, kita hendaklah memiliki sikap berani. Contohnya, Amir berani menyerbu masuk ke dalam pondok untuk menangkap penjenayah yang mencuri harta benda penduduk Kampung Warisan.

Novel Pelari Muda

Berdasarkan novel Pelari Muda, pengajaran yang terdapat dalam novel ini ialah kita hendaklah melahirkan rasa syukur jika memperoleh sesuatu kejayaan atau anugerah. Contohnya, Kamarul melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT apabila memperoleh pingat emas dan memecah rekod baharu dalam acara 100 meter di Sukan SEA.

Selain itu, kita perlu mempunyai semangat patriotisme. Contohnya, Kamarul menganggap kemenangannya memperoleh pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter di Sukan SEA bukan sahaja untuk dirinya tetapi untuk negara.

Seterusnya, kita sewajarnya mempunyai perasaan kasih sayang. Contohnya, Mak Jah mengambil berat kesihatan dan keselamatan anaknya Kamarul yang dibuktikan dengan menjaga anaknya di hospital selama empat hari gara-gara dilanggar kenderaan.

Selanjutnya, kita sepatutnya menghargai jasa. Contohnya Kamarul memberi cenderamata

kepada atlet Filipina, De Wega yang banyak memberi nasihat dan dorongan sehari sebelum pertandingan dijalankan sehinggakan dia meraih pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter.

Akhir sekali, kita seharusnya mempunyai keberanian menghadapi cabaran. Contohnya, Kamarul berani menghadapi cabaran walaupun pada peringkat awal dia tidak yakin dapat menggondol pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter kerana menyedari tahap kecergasannya yang belum pulih. Namun sebagai jurulatih, Encik Kadir tetap yakin Kamarul mampu menggondol pingat tersebut dan akhirnya keyakinan Encik Kadir menjadi kenyataan.

Novel Sejambak Bakti

Berdasarkan novel Sejambak Bakti, pengajaran yang terdapat dalam novel ini ialah kita hendaklah mengamalkan sikap berkasih sayang. Contohnya, dapat dilihat menerusi sikap penyayang Razali terhadap ibunya apabila dia segera memeluk Mak Sopiah ketika ibunya itu menangis setelah didesak menceritakan tentang ayahnya.

Selain itu, kita mestilah mengamalkan sikap bekerjasama ketika melakukan sesuatu pekerjaan. Contohnya, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah bersama-sama mengemas dan mencantikkan kedai koperasi untuk memastikan kedai koperasi mereka berjaya meraih kejuaraan dalam pertandingan koperasi terbaik peringkat kebangsaan.

Di samping itu, kita haruslah bantu-membantu antara satu sama lain. Contohnya, Razali tidak berdendam terhadap Munir, walaupun Munir telah menfitnahnya mencero boh kedai koperasi, sebaliknya dia sanggup membantu Munir meningkatkan prestasi dalam pelajaran sepanjang Munir digantung persekolahan selama seminggu.

Akhir sekali, kita hendaklah bersikap rasional dalam bertindak. Contohnya pihak sekolah tidak menuduh mana-mana pihak yang mencero boh kedai koperasi sekolah, sebaliknya menyerahkan kepada pihak polis untuk menyiasat dan seterusnya membuat pemeriksaan menjejut untuk mengetahui pelaku pencero boh yang sebenarnya.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Maklumat di atas menunjukkan kepentingan mempelajari karya sastera. Antara kepentingannya ialah dapat mengenali dan mencintai bahasa ibunda kita sejak sekian lama. Selain itu, dapat memperbanyakkan perbendaharaan kata yang menarik. Seterusnya, dapat mengenali dan menghargai sasterawan negara yang banyak berjasa kepada negara. Di samping itu, dapat memberikan pengajaran dalam kehidupan berdasarkan kandungan karya sastera. Akhir sekali, dapat melahirkan generasi yang menghargai seni dan budaya sekali gus menjadi pewaris dan pelapis pengkarya sastera. Kesimpulannya, semua pihak haruslah menjadikan karya sastera sebahagian dalam kehidupan.

TEMA 16 KERJAYA

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 B | 2 C | 3 A | 4 A | 5 D |
| 6 D | 7 A | 8 D | 9 B | 10 C |
| 11 D | 12 A | 13 C | 14 D | 15 B |

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Kerjaya boleh didefinisikan sebagai perkembangan dan kemajuan seseorang dari segi pekerjaan. Persediaan tersebut didorong oleh bakat, minat dan kebolehan semula jadi serta pengaruh persekitaran seperti pendidikan dan latihan. Pameran kerjaya pula adalah satu acara yang mengumpulkan majikan-majikan untuk merekrut pekerja baharu dan pencari kerja mencari peluang-peluang kerjaya yang ditawarkan. Persoalannya, apakah manfaat atau kebaikan pameran kerjaya kepada pelajar yang masih dalam pengajian di peringkat IPT dan juga sekolah?

Antara kebaikan yang diperoleh pelajar jika berkunjung ke pameran kerjaya adalah pendedahan terhadap landskap kerjaya di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana peluang kerjaya yang ditawarkan adalah mengikut perkembangan dan permintaan ekonomi semasa

negara kerana ia berkaitan dengan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan. Para pelajar boleh melihat profil dan latar belakang syarikat atau majikan yang menyertai program kerjaya. Seterusnya menyelidik dan menjangkakan apakah bidang kerjaya yang memberikan peluang yang tinggi dan sesuai dengan kemampuan serta latar belakang akademik para pelajar.

Pada masa yang sama, pameran kerjaya juga memberikan kebaikan kepada para pelajar kerana dapat berhubung dengan bakal majikan. Selalunya syarikat atau majikan akan menghantar wakil pekerja mereka untuk menyampaikan maklumat dan berkongsi kelebihan bekerja dengan syarikat masing-masing. Dengan pendekatan ini, pelajar boleh bertanya secara terus akan kemusykilan yang berlegar di fikiran mereka terhadap bidang atau peluang kerjaya yang ditawarkan.

Di samping itu, pameran kerjaya menawarkan pelbagai kebaikan kepada pelajar kerana ia adalah medan di mana pelajar boleh menguji kemahiran komunikasi mereka. Situasi ini boleh ditaksirkan apabila terdapat majikan yang akan menjalankan temu duga terbuka secara langsung di pameran kerjaya tersebut. Maka, pelajar boleh melihat, menilai atau menguji kemampuan diri apabila ditemu duga untuk mendapatkan pekerjaan. Peningkatan jumlah manusia dari hari ke hari telah menimbulkan sentimen kompetitif dalam kebanyakan perkara yang perlu dilalui oleh masyarakat hari ini. Oleh itu, para pelajar dapat menonjolkan diri kepada majikan untuk mendapat tempat.

Kesimpulannya, pameran kerjaya dapat memberikan pelbagai kebaikan kepada pelajar yang akan menamatkan alam persekolahan dan mula menceburi alam pekerjaan. Pendedahan yang penting ini dapat membantu mereka dalam merancang dan bersedia dengan baik untuk memasuki fasa kehidupan yang lebih mencabar. Semua pihak yang berkenaan perlu berganding bahu ibarat ke bukit sama-sama didaki, ke lurah sama-sama dituruni untuk memantapkan pengisian pameran kerjaya supaya generasi muda hari ini dapat memperoleh manfaat yang maksimum.

Soalan 2

Setiap orang mempunyai cita-cita dan impian dalam kehidupannya. Cita-cita itulah yang akan menjadi pendorong dan semangat kepada seseorang untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai impian di hati. Cita-cita yang dipilih haruslah memberi manfaat terhadap diri sendiri, masyarakat, negara dan yang paling penting terhadap dunia kerana alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan.

Saya bercita-cita ingin menjadi seorang doktor. Saya menyukai kerjaya sebagai seorang doktor kerana saya ingin membantu orang yang sakit. Apabila melihat orang yang sakit tersenyum ketika sudah sembuh, itulah kegembiraan yang paling bermakna. Pada masa yang sama, dalam keluarga saya belum ada lagi adik-beradik yang memilih kerja doktor. Saya yakin suatu hari nanti saya akan dapat menjadi doktor yang hebat dan berjaya demi mencurahkan bakti kepada masyarakat dan negara.

Kerjaya doktor ini juga menjadi pilihan saya kerana saya ingin mendidik masyarakat supaya mengamalkan gaya hidup yang sihat dalam kehidupan. Jika dilihat pada masa ini, sangat ramai rakyat Malaysia yang menghidapi pelbagai jenis penyakit yang berpunca daripada makanan. Oleh itu, sangat perlu untuk saya mencegah sebelum mengubati kerana ianya jauh lebih baik. Saya juga ingin memastikan ibu bapa, ahli keluarga dan kawan-kawan saya sihat. Saya berazam untuk memberi rawatan yang terbaik kepada para pesakit.

Saya sedar untuk menjadi seorang doktor bukanlah sesuatu perkara yang mudah namun ianya tidak akan mematahkan impian saya untuk meneruskan minat saya ini. Oleh itu, saya mesti belajar dengan bersungguh-sungguh dan cemerlang dalam mata pelajaran Sains dan bahasa Inggeris. Di sekolah, saya juga menyertai Persatuan Bulan Sabit Merah dan belajar asas-asas perubatan. Saya yakin kemahiran ini sedikit sebanyak akan membantu saya mencapai impian saya.

Dalam mengejar impian saya ini, ibu bapa saya adalah insan yang paling banyak memberi dorongan. Mereka sentiasa memberi kata-kata perangsang dan membantu saya dalam menyediakan keperluan dan suasana

belajar yang baik. Mereka juga menghantar saya mengikuti kelas tuisyen bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Selain itu, guru-guru dan rakan-rakan juga sentiasa bersama saya dalam mencapai impian saya.

Saya yakin dengan usaha yang telah saya lakukan maka suatu hari nanti pasti cita-cita dan impian saya ini akan tercapai. Diharapkan hasrat hati kecil saya ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Semoga segala usaha yang saya sedang lakukan ini dipermudahkan olehNya seterusnya mencapai impian saya dengan jayanya.

Soalan 3

Terima kasih kepada saudara pengerusi majlis. Yang Berusaha Tuan Pengetua, guru-guru penolong kanan, guru-guru kanan, barisan rakan-rakan pengawas dan rakan-rakan yang saya kasihi. Salam sejahtera dan Salam Perak Aman Jaya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap pada hari ini sempena Hari Jururawat Malaysia. Hadirin yang saya hormati,

Hari Jururawat Malaysia disambut pada 12 Mei setiap tahun. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat sentiasa menghargai jasa jururawat dalam dunia perubatan. Kerjaya jururawat ialah pekerjaan yang mulia dan profesional. Dahulunya, kerjaya jururawat lebih sinonim dengan kaum wanita. Kini, perubahan zaman telah membuktikan bahawa kaum lelaki juga diperlukan dalam bidang ini.

Tugas seseorang jururawat adalah untuk membantu para doktor merawat dan menguruskan pesakit. Mereka juga perlu merancang keperluan pesakit mengikut keadaannya dengan pemantauan para doktor. Jururawat lelaki amat diperlukan untuk bekerja dalam situasi yang berisiko. Selain itu, di beberapa buah hospital, jururawat lelaki banyak ditempatkan di unit kecemasan dan trauma. Hal ini disebabkan mereka cenderung mengambil tindakan yang praktikal serta tidak mudah mengalami gangguan emosi semasa menjalankan tugas.

Hadirin yang saya kasihi,

Selain itu, jururawat lelaki juga lebih sesuai mengendalikan pesakit yang agresif dan sukar dikawal. Kadangkala, pesakit ini boleh

mencederakan orang lain. Dalam sesetengah kes, masalah berat badan atau obesiti dalam kalangan pesakit menyebabkan jururawat lelaki diperlukan untuk membantu pesakit sedemikian.

Kehadiran jururawat lelaki memberikan pilihan kepada pesakit untuk menerima bantuan. Terdapat pesakit lelaki yang lebih selesa diuruskan oleh jururawat lelaki. Hal ini dinyatakan demikian kerana bagi sesetengah pesakit, mereka berasa malu sekiranya diuruskan oleh jururawat wanita. Hadirin yang saya sayangi,

Jururawat lelaki mempunyai keupayaan untuk mengendalikan peralatan yang lebih canggih dan memerlukan tenaga yang lebih berbanding dengan jururawat wanita. Lebih-lebih lagi pada era ini teknologi perubatan banyak menggunakan peralatan yang pelbagai fungsi. Sesetengah peralatan ini bersaiz besar dan berat.

Kesimpulannya, kaum lelaki tidak perlu lagi berasa malu untuk menceburi bidang ini kerana kerjaya ini sangat mulia. Pada masa yang sama, kita menjadi sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan lagi dunia perubatan dalam negara mahupun antarabangsa seperti bantuan perubatan kepada negara yang sedang berperang atau dilanda musibah seperti gempa bumi. Oleh itu, jika kaum lelaki yang ada di hadapan saya ini berminat untuk menceburi bidang ini maka teruskanlah kerana saya pasti anda semua bakal menjadi jururawat yang hebat dan berjaya. Sekian, terima kasih.

TEMA 17 INTEGRITI

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) Cemelang – Cemerlang
(ii) menumpun – menumpang
(iii) Kretiviti - Kreativiti
- 2 (i) antara bangsa – antarabangsa
(ii) demi untuk – untuk/demi
(iii) negatif – positif
- 3 (i) Peningkatan suhu sesebuah bandar disebabkan oleh rumah hijau.
(ii) Nilai integriti perlu diamalkan oleh setiap individu.
- 4 (i) Berat sama dipikul ringan sama dijinjing.
(ii) Bulat air kerana pembentuk bulat kata kerana muafakat.

- 5 (a) – Masalah yang dihadapi oleh remaja ialah pengaruh negatif rakan sebaya.
– Penyalahgunaan dadah.
- (b) – Ibu bapa perlu lebih banyak meluangkan masa dengan anak-anak.
– Ibu bapa perlu memantau pergaulan anak-anak dan mengenali rakan mereka.
- (c) Ciri-ciri rakan sebaya yang baik ialah menghormati ibu bapa dan orang tua, rakan sebaya yang bijak dan berakhlak, mempunyai jati diri yang teguh.

6

Novel Destinasi Impian

Berdasarkan novel 'Destinasi Impian' karya Mohd Ismail Sarbini, watak utama dalam novel ini ialah Firdaus. Dia merupakan seorang yang bertingkah laku agak keperempunaan. Dia seorang yang agak lembut perwatakannya kerana hanya dia seorang anak lelaki dalam keluarganya.

Dia juga seorang yang gemar duduk di rumah berbanding dengan melakukan aktiviti luar. Firdaus beria-ia mahu pulang ke rumah dan tidak mahu meneruskan rancangan mereka untuk berbasikal ke Morib.

Selain itu dia seorang yang selalu dimanjakan, Dia dimanjai dan segala kemahuannya dituruti oleh ibu bapanya memandangkan sebelum ini ibu bapa mereka mempunyai empat orang anak perempuan sebelum memiliki Firdaus. Akhir sekali, dia seorang yang suka berdendam, Firdaus mendendami adiknya, Azlina. Dia langsung tidak membantu Azlina yang tercedera.

Novel Formula Termodinamik

Berdasarkan novel 'Formula Termodinamik' karya Obasiah Haji Osman, watak utama dalam novel ini ialah Amir. Dia seorang yang pemaaf dan tidak berdendam. Sebagai contoh, Amir memaafkan Aswan walaupun banyak kesalahan yang dilakukan oleh Aswan terhadap dirinya.

Selain itu, dia seorang yang kreatif dan inovatif. Sebagai contoh, Amir mencipta mesin 2 dalam 1 berpanduan Formula Dua Hukum Popular Termodinamik dan menggunakan kreativiti dan inovasi.

Di samping itu, dia seorang yang bijaksana. Sebagai contoh, Amir membuat rancangan untuk memberkas penjenayah yang mencuri baja subsidi

milik penduduk kampung dengan bijaksana.

Seterusnya, dia seorang yang penyayang. Sebagai contoh, Amir menyayangi neneknya. Akhir sekali, dia seorang yang bersungguh-sungguh. Sebagai contoh, Amir mencipta mesin 2 dalam 1 dengan bersungguh-sungguh dan hasilnya, mesin tersebut mendapat sambutan penduduk kampung.

Novel Pelari Muda

Berdasarkan novel 'Pelari Muda' karya Ghazali Ngah Azia, watak utama dalam novel ini ialah Kamarul. Dia berusia 17 tahun yang belajar dalam Tingkatan 5 Sastera 1 dan akan menduduki peperiksaan SPM pada hujung tahun. Dia merupakan seorang pelari pecut, mewakili negara Malaysia. Kamarul berkawan rapat dengan Saridah. Mereka mula berkawan rapat semasa sukan MSSM.

Perwatakannya yang angkuh dan sombong serta tidak berdisiplin kerana kejayaan dan kepopularannya. Sebagai contoh, dia selalu datang lambat semasa sesi latihan dijalankan. Selain itu, dia seorang yang tidak mengenang budi. Sebagai contoh, Kamarul enggan berlatih di bawah bimbingan Encik Kadir kerana telah bosan.

Di samping itu, dia berburuk sangka kepada Encik Kadir bahawa jurulatihnya itu sengaja mendendanya berlari lapan kali pusing keliling padang untuk membalas dendam. Akhir sekali, dia insaf akan kesalahannya setelah dia dilanggar kereta. Kamarul menyesal bersikap kurang ajar dengan Encik Kadir dan bersikap sombong dengan kawan-kawan sekolah.

Novel Sejambak Bakti

Berdasarkan novel 'Sejambak Bakti' karya Rejab F.I, watak utama dalam novel ini ialah Razali. Razali ialah anak kepada Mak Sopiah dan anak tiri kepada Pak Zakaria. Sebagai penolong setiausaha lembaga pengarah koperasi sekolah, Razali sentiasa menjalankan tugasnya dengan amanah. Sebagai pelajar, Razali sangat rajin dan belajar bersungguh-sungguh. Dia sering mengulang kaji pelajaran di pondok yang terletak di tengah sawah.

Dia juga bersikap suka membantu. Contohnya dia telah membantu Ramlah, Swee Lan, dan Saridevi dalam pelajaran. Selain itu, Razali juga

sayang dan hormat kepada ibunya. Contohnya walaupun sangat ingin mengetahui keadaan ayah kandungnya, Razali tidak sanggup menyakiti hati ibunya semasa ibunya enggan memberitahu akan ayahnya.

Razali juga bersikap sedia memaafkan. Misalnya ketika Munir meminta maaf kepadanya, Razali segera bersalam dengannya dan memeluk badan Munir sebagai tanda memaafkan segala kesalahan Munir terhadapnya. Razali juga bersikap ikhlas. Dia sanggup menerima Munir sebagai sahabat walaupun Munir pernah memukulnya dan membuat fitnah terhadapnya, malahan sanggup membantu Munir dalam pelajaran setelah Munir insaf akan kesalahannya.

KERTAS 2

Soalan 1

Fenomena rasuah sering dikaitkan dengan istilah tumbuk rusuk atau makan suap dan konotasi ini membawa maksud yang negatif kepada imej sesebuah masyarakat itu. Semakin tinggi kadar rasuah di sesebuah negara itu maka semakin rendahlah persepsi masyarakat luar terhadap kemampuan rakyat negara terbabit untuk melakukan sesuatu terutama dalam aspek ekonomi. Media massa turut menyiarkan pelbagai kes yang melibatkan pegawai kerajaan berprofil tinggi yang terlibat dalam amalan rasuah ini sebagai bukti betapa masalah ini semakin menular dalam masyarakat.

Langkah pertama untuk menghalang salah laku rasuah berlaku di negara ini adalah dengan memberikan pendidikan kepada masyarakat umum tentang amalan rasuah. Budaya ini perlu dijelaskan dan diingatkan kepada setiap anggota masyarakat khususnya golongan muda. Walaupun mereka baru berumur setahun jagung, darah setampuk pinang tetapi mereka merupakan generasi yang akan mewarisi kepimpinan negara ini. Sekiranya setiap rakyat mampu menilai sama ada sesuatu tindakan itu dianggap sebagai rasuah atau tidak, barulah budaya atau amalan rasuah di negara ini dapat dibanteras sehingga ke akar umbi.

Selaras dengan langkah yang diusahakan di atas, amalan rasuah dapat dibanteras dengan pelaksanaan undang-undang dan hukuman

yang tegas. Umum mengetahui kita mempunyai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai penguatkuasa yang memantau dan bertindak ke atas salah laku yang melibatkan rasuah. Namun, keterbatasan jumlah pegawai dan sumber untuk mereka menguatkuasakan undang-undang adalah terhad maka kita sebagai orang awam juga bertanggungjawab menjadi 'mata-mata' kepada pihak berkuasa. Jika pelaku rasuah dibicarakan dengan pantas dan dihukum untuk menjalani hukuman penjara tanpa sebarang prejudis, nescaya ramai yang akan menjauhi amalan buruk ini.

Amalan rasuah juga boleh diatasi dengan menawarkan gaji yang bertepatan dan bermaruah untuk semua ahli masyarakat. Hal ini demikian kerana jika kita mempunyai sumber kewangan yang cukup untuk menampung keperluan dan kehendak diri serta keluarga, keinginan untuk menerima rasuah pasti dapat dielakkan. Sebagai contoh, anggota polis yang ditugaskan menjaga keselamatan masyarakat awam hanya dibayar gaji yang cukup untuk diri dan keluarga kecil.

Kesimpulannya, banyak cara yang boleh diadaptasi di negara kita untuk membendung gejala rasuah yang semakin membarah. Masyarakat umum perlu sentiasa diingatkan supaya tidak terjebak dengan gejala ini kerana sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga. Pemberi dan penerima rasuah wajar dihukum dengan hukuman yang setimpal sebagai pengajaran kepada orang ramai.

Soalan 2

Pada minggu lepas, kami sekeluarga telah pulang ke kampung untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri di sana. Kami sekeluarga berasa teruja untuk pulang ke kampung. Ketika hari hampir senja, kami singgah di kawasan rehat. Kami membeli lauk-pauk di kedai makan untuk berbuka puasa. Selepas kami berbuka puasa, kami solat di masjid berhampiran. Selepas solat, kami menyambung perjalanan untuk pulang ke kampung.

Kami tiba di kampung dalam pukul 10.00 malam. Saya berasa gembira kerana dapat berjumpa dengan datuk dan nenek. Kami pun bersalam dengan datuk dan nenek. Saya juga rasa gembira kerana dapat berjumpa dengan

sepupu yang sudah lama tidak bertemu. Saya dan sepupu saya memasang pelita di sekeliling rumah datuk dan nenek. Suasana di kampung terang-benderang dengan cahaya pelita. Kemudian, saya dan sepupu bermain mercun dan bunga api yang dibeli oleh bapa saudara saya.

Keesokkan harinya, datuk membawa kami sekeluarga pergi ke sungai untuk memancing ikan. Kami menyediakan joran dan umpan. Datuk mengajar saya cara memancing ikan. Kami dapat memancing banyak ikan. Selepas itu kami membawa ikan-ikan itu ke rumah datuk dan nenek. Saya pergi ke dapur untuk menolong ibu saudara saya dan nenek memasak untuk sambutan syawal esok. Pelbagai jenis makanan dan kuih yang telah kami masak. Kami sangat gembira kerana dapat berbuka puasa bersama datuk dan nenek.

Apabila tiba pagi Syawal, saya bingkas bangun dan segera ke bilik air. Saya terpaksa bangun awal kerana takut berebut dengan sepupu-sepupu yang lain. Saya tidak sabar memakai baju baharu dan cantik untuk ke masjid bagi menunaikan solat sunat Aidilfitri. Sebelum ke masjid, saya sekeluarga memohon maaf kepada datuk dan nenek. Saya memeluk dan mencium ibu dan ayah.

Saya dan sepupu saya terus pergi beraya ke rumah jiran-jiran datuk dan nenek. Selepas mendapat banyak duit raya, kami pulang ke rumah datuk dan nenek. Ibu dan ayah mengajak kami beraya di rumah saudara-mara kami yang berdekatan.

Setelah tiga hari beraya di kampung, kami berkemas untuk pulang ke rumah. Tahun ini saya dapat mengumpul banyak duit raya kerana ramai adik-beradik ayah pulang beraya. Kami berasa seronok beraya di kampung. Pengalaman hari raya tahun ini sungguh menyenangkan.

Soalan 3

Terima kasih kepada saudara pengerusi majlis. Yang Berusaha Tuan Pengetua, guru-guru penolong kanan, guru-guru dan barisan rakan-rakan pengawas dan rakan-rakan yang saya kasihi. Salam sejahtera, pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap pada hari ini sempena Hari Integriti Nasional.

Hadirin yang saya hormati,

Sambutan Hari Integriti Nasional diraikan setiap tahun sebagai inisiatif berterusan untuk membudayakan integriti dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan setiap lapisan anggota masyarakat. Hakikatnya, usaha untuk memupuk nilai dan budaya integriti sebagai cara hidup rakyat tidak boleh dilaksanakan secara bermusim atau pada masa-masa tertentu sahaja. Hal ini demikian kerana peningkatan secara drastik pelbagai salah laku moral seperti kes rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di negara kita membuktikan masalah defisit integriti dalam kalangan rakyat pada ketika ini cukup membimbangkan dan tidak boleh dibiarkan terus merobek sistem moral dan nilai yang sepatutnya menjadi benteng integriti diri.

Secara prinsipnya setiap individu boleh dinilai tahap integriti diri berdasarkan sikap dan tingkah laku yang ditunjukkan tanpa dikaitkan dengan latar belakang pekerjaan, keluarga, agama mahupun bangsa. Misalnya, sebagai seorang peniaga adakah kita berniaga dengan jujur seperti tidak menaikkan harga sesuka hati serta tidak menjual barangan yang kurang berkualiti. Ringkasnya adakah kita berniaga tanpa menipu pelanggan? Ini ukuran integriti seorang peniaga. Hadirin yang saya kasihi,

Begitu juga halnya kita sebagai pengguna media sosial, apakah maklumat atau gambar yang dikongsi atau disebarkan itu betul dan sahih serta tidak palsu? Ini pula ukuran integriti seorang netizen. Hakikatnya setiap gerak geri kita boleh dinilai dan diukur berpaksikan budaya integriti termasuklah amalan seperti membuang sampah di merata-rata, merosakkan harta benda awam serta memandu melebihi had laju serta melanggar lampu isyarat pada ketika tidak diawasi oleh pihak berkuasa mahupun kamera perangkap had laju.

Marilah kita raikan, amalkan dan budayakan integriti dalam kehidupan seharian secara konsisten dan bukannya pada hari atau bulan tertentu sahaja. Hal ini penting kerana bukan mudah untuk mempertahankan nilai integriti diri kerana kita sering berhadapan dengan pelbagai cabaran, dugaan dan godaan. Justeru, anggota masyarakat perlu menjadikan integriti sebagai budaya hidup yang mampu menyelamatkan maruah diri, keluarga, agama, bangsa dan juga

negara. Selamat menyambut Hari Integriti Nasional 2025.

Sekian terima kasih.

TEMA 18 PENTADBIRAN DAN POLITIK

KERTAS 1

BAHAGIAN C

Petikan membincangkan kepentingan berbudi bahasa dalam masyarakat berbilang kaum. Antaranya ialah dapat mengelakkan perselisihan faham daripada berlaku dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Selain tu, signifikan untuk melahirkan individu dan masyarakat yang beretika tinggi. Di samping itu, mewujudkan perpaduan antara ahli masyarakat terutamanya masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum. Akhir sekali, dapat menarik minat kedatangan pelancong asing ke dalam negara. Kesimpulannya, setiap ahli masyarakat haruslah menanam sikap berbudi bahasa dalam diri agar kehidupan kita lebih bahagia.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Gambar rajah di atas menunjukkan syarat keahlian Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Pertama, ahli dewan mestilah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Selain itu, ahli dewan mesti mempunyai akal yang sempurna agar dapat berfikir secara intelektual. Seterusnya, ahli dewan tidak pernah melakukan kesalahan yang membolehkan keahliannya dibatalkan. Di samping itu, ahli Dewan Negara mesti berumur 30 tahun ke atas manakala ahli Dewan Rakyat mesti berumur 21 tahun ke atas. Selepas dilantik menjadi ahli Dewan Negara atau ahli Dewan Rakyat, setiap ahli dikehendaki mengangkat sumpah taat setia dan menjaga kerahsiaan maklumat negara. Kesimpulannya, ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap negara.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pelajar cemerlang umpama benih yang baik, kalau di campak ke darat menjadi gunung dan jika dicampak ke laut menjadi pulau. Ungkapan

tersebut memberikan perumpamaan bahawa pelajar yang cemerlang mampu untuk beradaptasi dalam apa jua keadaan untuk berjaya. Kumpulan ini sukar untuk dicipta tetapi jika berjaya dilahirkan, masa hadapan masyarakat dan negara pasti akan mencapai tahap kemajuan yang terbaik. Setiap pihak berperanan dalam memberikan sumbangan untuk melahirkan pelajar cemerlang.

Antara ciri pelajar cemerlang adalah bermoral tinggi dan mempunyai akhlak yang baik. Hal ini demikian kerana, pelajar yang bermoral tinggi akan menerapkan nilai-nilai murni yang baik dalam kehidupan seharian mereka. Dengan akhlak yang baik pula, pelajar dapat menerapkan nilai keagamaan yang dipelajari dalam membuat keputusan yang betul. Ciri ini dapat membantu pelajar supaya tidak terjebak dengan permasalahan sosial seperti membuang masa melepak di pusat beli-belah dan bergaul bebas dengan golongan yang bermasalah.

Selain itu, pelajar yang cemerlang sentiasa menumpukan perhatian ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam kelas. Bukan sahaja dalam persekolahan tetapi dalam kehidupan harian, jika kita menumpukan perhatian dalam melakukan sesuatu, hasil yang baik akan diperoleh. Guru di sekolah saban tahun mengajar anak murid input yang sama, justeru pelajar perlu peka dan cakna akan setiap tutur kata yang diberikan oleh mereka.

Pada masa yang sama, pelajar yang cemerlang akan sentiasa memastikan latihan yang diberikan oleh guru disiapkan dan mengulang kaji pelajaran di rumah. Apabila pelajar berusaha melengkapkan latihan yang ditugaskan, mereka pasti memahami dan berjaya menguasai subjek tersebut dengan baik. Manakala, mengulang kaji pelajaran adalah penting bagi mengaktifkan memori jangka masa panjang dalam pembelajaran yang telah diulang kaji.

Kesimpulannya, pelbagai ciri yang membentuk seseorang pelajar untuk menjadi cemerlang. Setiap pihak berperanan dalam membimbing dan memberikan tauladan terbaik kepada para pelajar dalam menjadi seorang individu yang berguna kelak untuk keluarga, masyarakat dan negara. Semoga generasi muda hari ini menepati ciri-ciri modal insan minda kelas pertama iaitu mempunyai kualiti diri yang

tinggi dari segi akademik, kokurikulum, disiplin, sahsiah dan pegangan agama yang disebut-sebut sebagai hala tuju pendidikan negara.

Soalan 2

Pada musim cuti sekolah yang lalu, saya bersama kawan-kawan saya telah menyertai sebuah Kem Motivasi Diri anjuran Kelab Bimbingan dan Kaunseling. Seramai 50 orang pelajar, iaitu tingkatan satu sehingga tingkatan lima yang menyertainya. Kem motivasi tersebut telah dijalankan selama 3 hari dan 2 malam, bermula pada hari Jumaat. Lokasi Kem Motivasi Diri telah diadakan di Pulau Pangkor, Perak.

Pada hari pertama, saya dan kawan-kawan saya tidak sabar untuk memulakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh penganjur. Kami telah menaiki bas yang disewa oleh sekolah. Kami memulakan perjalanan ke destinasi tersebut pada pukul 8 pagi. Masa yang diambil untuk sampai ke destinasi tersebut ialah satu jam. Apabila kami sampai di Kem Motivasi Pulau Pangkor, kami terus memasang khemah di tapak yang telah disediakan. Selepas itu, kami berhimpun untuk mendengar taklimat daripada guru penasihat kami, Cikgu Roslan, tentang aktiviti-aktiviti yang kami akan sertai sepanjang program dijalankan.

Apabila malam menjelang, kami diarah untuk ke Dewan Kem Motivasi untuk mendengar ceramah yang bertajuk “Remaja Kini dan Cabaran”. Ceramah-ceramah tersebut telah disampaikan oleh pensyarah yang tersohor di seluruh negara Malaysia iaitu Dr. Fadley. Beliau datang dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau juga memberi kata-kata semangat serta mengajak kami untuk berfikir secara luas dan positif. Semasa beliau sedang memberi ceramah, ada kalanya beliau juga bergurau-senda dengan kami supaya kami tidak rasa bosan. Beliau seorang yang sangat mesra dengan kami. Di samping itu, terdapat pelbagai permainan minda yang menarik perhatian kami. Kami berasa sangat seronok dan dapat berkawan dengan peserta-peserta lain.

Pada sebelah malam pula, terdapat sebuah persembahan yang istimewa untuk kami persembahkan. Dalam kumpulan yang sama, setiap kumpulan ditugaskan untuk melakukan sebuah persembahan bertemakan kebudayaan. Kami diberi masa selama setengah jam untuk

praktis langkah-langkah persembahan. Ramai kumpulan yang mempersembahkan persembahan umum seperti dondang sayang, boria, dikir barat dan banyak lagi. Tiba masanya untuk kumpulan kami mempersembahkan persembahan kami. Persembahan kami adalah lain daripada yang lain. Kumpulan kami mempersembahkan persembahan pencak silat.

Setelah persembahan kami selesai, para penonton memberi tepukan yang sangat gemuruh. Ahli kumpulan saya berasa sangat terharu kerana mendapat sambutan yang sangat luar biasa. Tiba masanya untuk mengumumkan keputusan. Akhirnya, kumpulan kami berjaya merebut tempat pertama. Pihak penganjur telah menghadiahkan setiap ahli kumpulan saya sebuah hamper kecil. Kami berasa sangat gembira kerana dapat memenangi pertandingan persembahan tersebut.

Hari yang ketiga telah menjelang. Kami perlu pulang ke Kuala Lumpur kerana hari tersebut adalah hari terakhir kami berada di kem motivasi. Pada pukul 9 pagi, kami ke kantin untuk bersarapan. Pelbagai jenis makanan lazat telah dihidangkan. Setelah selesai sarapan, kami pulang ke khemah masing-masing dan mula untuk mengemas beg dan peralatan peribadi kami. Saya berasa sungguh gembira kerana mendapat kenalan baru, membina keyakinan diri, memupuk semangat kerjasama serta berfikiran positif walaupun masa yang kami luangkan sangat singkat. Cuti sekolah tersebut adalah cuti sekolah yang paling seronok pernah saya lalui.

Soalan 3

Terima kasih saudara pengerusi majlis. Salam sejahtera dan selamat pagi saya ucapkan kepada Tuan Zahirul bin Tuan Zulkarnain selaku Pengetua sekolah, guru-guru penolong kanan, barisan guru yang disayangi dan rakan-rakan yang saya kasihi.

Hadirin yang saya hormati,

Berdirinya saya di sini pada pagi yang ceria ini adalah untuk menyampaikan ucapan manifesto saya sebagai calon ketua pengawas pada sesi kali ini. Warga Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai Remis, izinkan saya merungkakan manifesto yang menjadi gagasan dan pegangan saya sebagai pemimpin di sekolah ini.

Ya, saya akan memikul tanggungjawab dengan penuh amanah, adil dan prihatin. Saya juga akan memastikan kebajikan rakan-rakan murid terbelas. Tetapi saya memerlukan sokongan padu daripada rakan semua. Mengapa kita perlu bersatu hati? Kita perlu bersatu demi menaikkan nama sekolah kita. Suasana aman dan harmoni akan kita wujudkan.

Hadirin yang saya sayangi,

Saya akan mengadakan tabung amal kepada murid yang memerlukan. Saya akan pastikan pihak sekolah membenarkan murid-murid meminjam lebih daripada lima buah buku sehari dari perpustakaan sekolah. Semasa waktu rehat, murid-murid dibenarkan berada di dalam kelas untuk mengulang kaji. Para murid dibenarkan memakai kemeja-T sekolah pada hari Isnin.

Nah! Apa yang ditunggu lagi. Kerjasama dan sokongan rakan semua perlu bermula dari saat ini kerana sokongan padu daripada rakan semua mampu merealisasikan gagasan saya ini.

Hadirin yang saya kasihi,

Akhir kata daripada saya, jangan pilih saya kalau tidak mahu manifesto ini menjadi realiti. Sekian, terima kasih.

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 B | 2 D | 3 A | 4 C | 5 D |
| 6 A | 7 A | 8 D | 9 C | 10 B |
| 11 A | 12 C | 13 C | 14 D | 15 B |

BAHAGIAN B

- (i) deytan – denyutan
(ii) peyaman – penyaman
(iii) dijankiti – dijangkiti
- (i) yang – di
(ii) atas – dalam
(iii) jantan – betina
- (i) Telah ditemui pagi tadi mayat seorang kanak-kanak yang terjatuh ke dalam lombong itu.
(ii) Gemar akan pakaian yang mahal dan berjenama mewah Fakhrul.
- (i) Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.
(ii) Hidup jangan menongkat langit.

- 5 (a) – pelantar pembelajaran digital melalui Sistem DELIMA.
- (b) – Membekalkan idea serta modul-modul pembelajaran.
 - Mengakses EduwebTV untuk merancang PdP dan mendapatkan video PdP.
- (c) – Menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk kegunaan pembelajaran digital.
 - Melaksanakan pembelajaran digital secara bergilir dan berperingkat.
 - Ibu bapa menyediakan peranti untuk pembelajaran digital.

6

Novel Destinasi Impian

Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu 'Destinasi Impian' karya Mohd Ismail Sarbini, persoalan yang ingin disampaikan oleh penulis ialah jiwa remaja yang mudah memberontak. Sebagai contoh, Firdaus seorang anak muda yang cepat mengalah dan tidak tahan menerima cabaran. Akibatnya dia selalu sahaja merungut dan memberontak apabila mengalami kesusahan.

Persoalan yang kedua ialah sikap keberanian apabila menahuti cabaran. Sebagai contoh, Azlina seorang perempuan berumur 16 tahun, pelajar tingkatan 4 sanggup menerima cabaran untuk mengayuh basikal sejauh 50 kilometer. Sebagai seorang pelajar, dia mempunyai daya juang yang tinggi dan penyabar.

Persoalan yang terakhir ialah usaha dan kerjasama menghasilkan kejayaan. Sebagai contoh, Johari, Firdaus dan Azlina berjaya mengayuh basikal dan sampai ke destinasi Pantai Morib Baru. Mereka berjaya kerana usaha yang gigih dan bekerjasama semasa dalam perjalanan.

Novel Formula Termodinamik

Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu 'Formula Termodinamik' karya Obasiah Haji Osman, persoalan yang ingin disampaikan oleh penulis ialah sikap iri hati terhadap kebolehan orang lain. Sebagai contoh, Aswan berasa tergutut apabila mendapat tahu Amir dan Usamah boleh mengubah suai mesin rumput terpakai menjadi mesin mencangkul tanah. Dia juga yakin mampu mencipta mesin yang boleh berfungsi menanam padi, lalu mencuri formula Dua Hukum Populer

Termodinamik.

Persoalan yang seterusnya ialah mengamalkan budaya ilmu. Sebagai contoh, Amir dan Usamah telah mempraktikkan ilmu yang dipelajari di politeknik untuk menghasilkan projek mesin 2 dalam 1 bagi membajak tanah pertanian untuk kegunaan orang kampung. Mereka juga tidak lokek berkongsi ilmu dengan orang lain dan ingin membantu Aswan dalam projek mesin menanam padi.

Persoalan yang terakhir ialah kasih sayang nenek terhadap anak cucunya. Sebagai contoh, Nenek sentiasa menyokong usaha Amir dan Usamah dalam menayakan projek mesin 2 dalam 1 dan nenek juga banyak mengajar serta mendidik mereka. Walaupun baru saja menjalani pembedahan, nenek sudah teringin hendak membuat kuih bahulu kegemaran bapa Usamah. Nenek juga berjanji untuk membuat kuih jala untuk Amir.

Novel Sejambak Bakti

Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu Sejambak Bakti karya Rejab F.I, persoalan yang ingin disampaikan oleh penulis ialah kasih sayang seorang ibu. Sebagai contoh, kasih sayang seorang ibu kepada anak dapat dikesan melalui watak Mak Sopiah. Mak Sopiah sentiasa menjaga kebajikan Razali. Mak Sopiah sentiasa menghantar minuman petang ke tempat Razali belajar dan mempertahankan Razali daripada kemarahan bapa tirinya.

Persoalan yang seterusnya ialah perbuatan yang jahat akan mendapat balasan yang setimpal. Sebagai contoh, perbuatan Munir yang mencerooboh masuk ke dalam koperasi dan mencuri duit koperasi sebanyak RM200.00 telah berjaya dikesan. Mengikut mesyuarat guru disiplin sekolah, Munir akan menerima hukuman iaitu dirotan sebanyak tiga kali di hadapan murid-murid di tapak perhimpunan dan digantung sekolah selama seminggu.

Persoalan yang terakhir ialah usaha yang baik biasanya mendapat cabaran yang hebat. Sebagai contoh, Razali yang menjadi penolong setiausaha lembaga pengarah koperasi sekolah telah berusaha untuk memajukan koperasi sekolah. Namun Razali telah mendapat tentangan dan cabaran hebat daripada Munir, Leong dan

Selvam yang berasa cemburu akan kejayaannya.

Novel Pelari Muda

Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu 'Pelari Muda' karya Ghazali Ngah Azia persoalan yang ingin disampaikan oleh penulis ialah hubungan antara kawan baik. Sebagai contoh, hubungan Kamarul dengan Saridah sangat rapat. Ibu Kamarul juga menyayangi Saridah seperti anaknya. Mak Jah tidak mahu Kamarul bergaduh dengan Saridah terlalu lama.

Persoalan yang kedua ialah kesabaran menghadapi kerenah manusia. Sebagai contoh, Encik Kadir bersabar dengan tingkah laku Kamarul yang kurang berdisiplin. Daripada memarahinya, beliau menasihati Kamarul dan memberikan pingat emas sebagai pembakar semangatnya. Beliau juga melawat Kamarul yang terlantar sakit di hospital akibat kemalangan, walaupun Kamarul telah menyakiti hatinya.

Persoalan yang terakhir ialah kekurangan kasih sayang menyebabkan anak bersikap dingin terhadap keluarga sendiri. Sebagai contoh, Saridah kurang mendapat perhatian daripada keluarganya kerana emaknya sibuk dengan persatuan wanita dan ayahnya sibuk dengan hal kerja di pejabat. Hal ini menyebabkan Saridah lebih selesa dengan menghabiskan masa bersama-sama Juriah dan mengharapkan perhatian daripada Kamarul.

BAHAGIAN C

Buah zaitun mempunyai banyak khasiat dalam bidang perubatan dan kosmetik. Antaranya ialah mampu melambatkan pertumbuhan sel kanser di dalam tubuh. Selain itu, mampu merendahkan kolestrol berbahaya dalam darah. Seterusnya, menjadi perangsang minda kepada manusia. Di samping itu, dapat meningkatkan sistem kekebalan tubuh. Selanjutnya, dapat melembutkan kulit wajah dan tubuh badan. Tambahan lagi, mampu menurunkan tekanan darah tinggi. Akhir sekali, dapat mencegah risiko terkena serangan jantung. Kesimpulannya, marilah kita sama-sama mengamalkan pengambilan buah zaitun dalam kehidupan kita seharian.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Maklumat di atas menunjukkan kepentingan berbelanja secara berhemat. Antara kepentingannya ialah dapat meningkatkan amalan menabung dalam kehidupan. Selain itu, dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri individu dan masyarakat. Seterusnya, dapat melahirkan manusia yang bijak dalam menguruskan kewangan. Di samping itu, dapat mengelakkan diri daripada beban hutang yang tidak perlu. Akhir sekali, dapat menjimatkan perbelanjaan seharian dan bulanan seisi keluarga. Kesimpulannya, sikap berbelanja secara berhemat perlulah diamalkan oleh setiap insan dalam kehidupan.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Sehingga hari ini, telefon telah berevolusi seiring dengan kemajuan sains dan teknologi yang mana fungsi telefon iaitu untuk berhubung dengan manusia lain pada jarak yang jauh ditambah dengan pelbagai fungsi lain. Perkembangan ini telah mengubah norma masyarakat kita kerana dahulu telefon hanya dimiliki oleh orang yang kaya dan berkepentingan sahaja tetapi sekarang hampir keseluruhan masyarakat memiliki sebuah telefon pintar termasuklah para pelajar. Marilah kita bincang dan huraikan implikasi pemilikan telefon pintar oleh pelajar.

Kesan buruk yang akan diperoleh pelajar jika menyalahgunakan telefon pintar adalah mereka berisiko untuk terdedah kepada pengaruh atau anasir yang tidak sihat. Kehadiran teknologi Internet telah membuatkan pelbagai informasi dari seluruh pelosok dunia disebarkan dan dicapai oleh sesiapa sahaja tanpa sebarang tapisan. Akibat daripada situasi ini, para pelajar yang terdiri daripada golongan remaja ingin mengambil tahu banyak perkara dan akan mudah dipengaruhi.

Di samping itu, telefon pintar juga memberikan implikasi yang buruk kepada pelajar apabila mereka leka bermain permainan video atau menonton kandungan hiburan. Tidak dinafikan bahawa grafik dan video yang kita nikmati pada hari ini sangat menarik. Malahan terdapat permainan video yang memberikan grafik dan video secara empat dimensi. Oleh

yang demikian, kita boleh merasai pengalaman bermain dengan lebih realistik. Kesan visual dan efek ini telah membuatkan para pelajar khususnya golongan muda lalai dan melupakan pembelajaran akademik mereka.

Seterusnya, apabila menggunakan telefon pintar dengan kerap, pelajar akan terdedah dengan masalah kesihatan. Secara fizikal, mata kita akan terdedah dengan pencahayaan yang lebih banyak dan kompleks apabila kita menggunakan telefon pintar dalam tempoh yang lama. Maka pelajar berpotensi untuk rabun dan akan mengalami keletihan mata mengakibatkan mereka susah untuk fokus pada pembelajaran di sekolah.

Intihannya, pelbagai kesan yang akan menimpa para pelajar yang menggunakan telefon pintar. Ianya terpulang kepada pelajar dan ibu bapa dalam membantu mereka tentang etika dan cara memanfaatkan kemudahan teknologi hari ini demi kebaikan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pelajar seyogianya perlu memanfaatkan kebaikan dan mengelakkan keburukan penggunaan telefon pintar kerana yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan.

Soalan 2

Aku Sebuah Telefon Pintar

Namaku Sally. Aku dilahirkan di sebuah kilang di Korea. Badanku diperbuat daripada logam, plastik dan barang-barang elektronik. Setelah siap diproses, aku dibawa ke sebuah negara bernama Malaysia. Seterusnya aku dipamerkan di sebuah kedai menjual telefon.

Setiap hari ramai pengunjung yang datang ke kedai itu. Ada yang meminatiku dan menanyakan perkhidmatan yang aku tawarkan. Akhirnya aku dibeli oleh seorang wanita muda bernama Zarina dengan harga RM 2500. Aku disimpan di dalam beg tangannya bersama beberapa barang berharga yang lain.

Aku sangat teruja apabila Zarina menggunakanku untuk berhubung dengan rakan-rakannya. Tuan aku sering berbual-bual dengan rakan-rakannya melalui tubuhku. Selain itu tuan aku menghantar pesanan ringkas melalui tubuhku. Apabila bosan tuan aku mendengar muzik kerana tubuhku boleh mengeluarkan lagu-lagu yang telah disimpan di dalam tubuhku.

Kadang-kala dia bermain permainan video melalui skrin yang ada pada tubuh aku.

Aku benar-benar gembira berkhidmat untuk Zarina. Ada berbagai-bagai kegunaan aku tawarkan untuk Zarina termasuk kemudahan halaman sosial. Zarina menggunakan aku dengan sebaik-baiknya. Aku dijaga dengan cermat dan tidak pernah terhempas. Aku juga dilindungi dengan kulit plastik sintetik bermutu tinggi.

Setelah menggunakanku beberapa tahun, kemudahan yang aku tawarkan mulai ketinggalan. Zarina menggantikan aku dengan sebuah telefon pintar yang lebih canggih. Aku disimpan dengan baik di dalam laci. Walaupun aku tidak digunakan lagi oleh Zarina namun aku berasa besar hati dapat berkhidmat dengan baik kepada tuanku.

Soalan 3

Pada zaman ini, remaja yang memiliki sebuah telefon pintar merupakan satu kemestian. Para remaja pada masa ini seperti katak hendak menjadi lembu kerana mereka sanggup melakukan apa sahaja yang melebihi kesanggupan mereka sendiri untuk mendapatkan sebuah telefon pintar. Telefon pintar telah menjadi umpama nyawa dalam diri masyarakat kini kerana terdapat pelbagai jenis manfaat yang terkandung di dalam telefon pintar.

Terdapat pelajar yang bersekolah di tempat yang jauh dari tempat tinggal mereka sehingga mereka terpaksa tinggal di asrama. Oleh sebab itu, telefon pintar merupakan medium untuk para remaja melepaskan rindu terhadap kedua-dua ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila mereka dapat mendengar suara ibu bapa yang telah lama tidak bersua muka akan memberikan ketenangan kepada para pelajar. Pada masa yang sama, pelajar boleh menghubungi ibu bapa mereka ketika hampir dengan hari peperiksaan untuk mendengar kata-kata motivasi daripada kedua-dua orang tua bagi memperoleh kejayaan dan keberkatan semasa menjawab peperiksaan.

Walaupun hanya dengan panggilan suara, ia dapat meningkatkan motivasi dan semangat pelajar ketika menghadapi peperiksaan dan juga hari-hari biasa. Situasi yang sama juga berlaku kepada pelajar-pelajar institut pengajian tinggi yang berada di perantauan boleh menggunakan telefon pintar untuk menghubungi keluarga yang jauh.

Selain itu, dengan menggunakan telefon pintar, pelajar boleh menghubungi rakan atau guru jika mempunyai masalah dalam melakukan tugas yang diberikan atau tidak faham dalam sesuatu perkara. Bak kata pepatah, hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai.

Di samping itu, pelajar dapat mencari sumber rujukan tambahan untuk tujuan pembelajaran mereka. Kita tidak mahu generasi muda seperti katak di bawah tempurung yang tidak mengetahui banyak perkara dan ketinggalan zaman. Kemudahan yang boleh dicapai hanya dengan menggunakan hujung jari hendaklah digunakan oleh pelajar untuk menambah ilmu pengetahuan yang bermanfaat untuk diri dan masa depan. Sebagai contoh pengetahuan seperti cara menguruskan kewangan dan pengalaman bekerja adalah antara pengetahuan yang boleh didapati secara atas talian menggunakan telefon pintar.

Tuntasnya, terdapat banyak kebaikan penggunaan telefon pintar kepada pelajar. Oleh hal yang sedemikian, jika ciptaan manusia seperti telefon pintar ini lebih banyak memberikan kebaikan, kita seharusnya menggalakkan penggunaannya di samping menjauhkan kesan negatifnya. Setiap pihak perlulah memainkan peranan dalam memastikan pelajar yang memiliki telefon pintar tidak menyalahgunakan peranti tersebut dan memanfaatkannya dengan sepenuh hati.

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 B | 2 A | 3 C | 4 D | 5 A |
| 6 C | 7 A | 8 D | 9 B | 10 D |
| 11 B | 12 A | 13 B | 14 A | 15 C |

BAHAGIAN B

- (i) Pendaftaran – Pendaftaran
(ii) Tarikh – Tarikh
(iii) Kejasama – Kerjasama
- (i) atau – dan
(ii) paling cantik sekali – paling cantik/cantik sekali
(iii) dirasmikan – dilakukan

- (i) Sangat manis rasa buah manga yang baru dipetikanya.
(ii) Akan pergi bercuti para mahasiswa ke Pulau Langkawi pada cuti semester nanti.
- (i) Harapkan pagar, pagar makan padi.
(ii) Jangan diperlebar timba ke perigi, kalau tak putus genting.
- (a) – Isu penipuan secara dalam talian dengan menyamar menjadi pegawai daripada mana-mana agensi kerajaan.
(b) – Jangan kongsi maklumat peribadi anda pada orang lain.
– Jangan jawab e-mel atau panggilan daripada pihak yang tidak dikenali
(c) pihak berkuasa mengenakan denda dan hukuman yang berat kepada para *scammer*.
– setiap individu memasang aplikasi ‘true caller’ pada telefon pintar.
– pihak kerajaan meningkatkan lagi sistem keselamatan negara.

6

Novel Destinasi Impian

Berdasarkan novel Destinasi Impian karya Mohd Ismail bin Sarbini terdapat beberapa pengajaran dipaparkan dalam novel ini. Antaranya ialah kita hendaklah berani menyalah cabaran. Azlina seorang perempuan berumur 16 tahun, pelajar tingkatan 4 sanggup menerima cabaran untuk mengayuh basikal sejauh 50 kilometer. Sebagai seorang pelajar, dia mempunyai daya juang yang tinggi dan penyabar.

Selain itu, kita haruslah insaf atas kesalahan yang telah kita lakukan. Firdaus akhirnya menyesal apabila sedar dari melakukan kesilapan. Beliau seorang yang panas baran, pembohong dan bersifat angkuh. Selepas peristiwa lemas di pantai, dia mula sedar dan insaf dari kesalahannya.

Pengajaran terakhir dalam novel ini ialah kita hendaklah prihatin dan murah hati terhadap insan lain. Johari sentiasa membantu sepuasnya apabila ditimpa kemalangan. Beliau cepat-cepat datang memberi bantuan kepada Firdaus dan Azlina ketika jatuh dari basikal.

Novel Formula Termodinamik

Berdasarkan novel Formula Termodinamik, pengajaran yang terdapat dalam novel ini ialah kita hendaklah mengamalkan sikap bekerjasama.

Contohnya, penduduk Kampung Warisan, Papar bergotong-royong mengusahakan penanaman padi untuk memastikan kerja-kerja pertanian dapat dilakukan dengan lebih cepat.

Selain itu, kita seharusnya memiliki sikap kasih sayang. Contohnya, Intan berasa risau dan amat bimbang akan keselamatan Amir apabila anaknya itu meninggalkan rumah tanpa memberi sebarang pesan.

Seterusnya, kita sewajarnya memiliki sikap jujur. Contohnya, Fikri menentang hasrat Aswan memindahkan wang Syarikat Bahagia sebanyak RM1.3 juta kerana menganggap perbuatan itu tidak bermoral.

Di samping itu, kita hendaklah memiliki sikap berani. Contohnya, Amir berani menyerbu masuk ke dalam pondok untuk menangkap penjenayah yang mencuri harta benda penduduk Kampung Warisan.

Novel Pelari Muda

Berdasarkan novel Pelari Muda, pengajaran yang terdapat dalam novel ini ialah kita hendaklah melahirkan rasa syukur jika memperoleh sesuatu kejayaan atau anugerah. Contohnya, Kamarul melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT apabila memperoleh pingat emas dan memecah rekod baharu dalam acara 100 meter di Sukan SEA.

Selain itu, kita perlu mempunyai semangat patriotisme. Contohnya, Kamarul menganggap kemenangannya memperoleh pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter di Sukan SEA bukan sahaja untuk dirinya tetapi untuk negara.

Seterusnya, kita sewajarnya mempunyai perasaan kasih sayang. Contohnya, Mak Jah mengambil berat kesihatan dan keselamatan anaknya Kamarul yang dibuktikan dengan menjaga anaknya di hospital selama empat hari gara-gara dilanggar kenderaan.

Selanjutnya, kita sepatutnya menghargai jasa. Contohnya Kamarul memberi cenderamata kepada atlet Filipina, De Wega yang banyak memberi nasihat dan dorongan sehari sebelum pertandingan dijalankan sehinggakan dia meraih pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter.

Akhir sekali, kita seharusnya mempunyai keberanian menghadapi cabaran. Contohnya, Kamarul berani menghadapi cabaran walaupun

pada peringkat awal dia tidak yakin dapat menggondol pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter kerana menyedari tahap kecergasannya yang belum pulih. Namun sebagai jurulatih, Encik Kadir tetap yakin Kamarul mampu menggondol pingat tersebut dan akhirnya keyakinan Encik Kadir menjadi kenyataan.

Novel Sejambak Bakti

Berdasarkan novel Sejambak Bakti, pengajaran yang terdapat dalam novel ini ialah kita hendaklah mengamalkan sikap berkasih sayang. Contohnya, dapat dilihat menerusi sikap penyayang Razali terhadap ibunya apabila dia segera memeluk Mak Sopiah ketika ibunya itu menangis setelah didesak menceritakan tentang ayahnya.

Selain itu, kita mestilah mengamalkan sikap bekerjasama ketika melakukan sesuatu pekerjaan. Contohnya, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah bersama-sama mengemas dan mencantikkan kedai koperasi untuk memastikan kedai koperasi mereka berjaya meraih kejuaraan dalam pertandingan koperasi terbaik peringkat kebangsaan.

Di samping itu, kita haruslah bantu-membantu antara satu sama lain. Contohnya, Razali tidak berdendam terhadap Munir, walaupun Munir telah menfitnahnya mencero boh kedai koperasi, sebaliknya dia sanggup membantu Munir meningkatkan prestasi dalam pelajaran sepanjang Munir digantung persekolahan selama seminggu.

Akhir sekali, kita hendaklah bersikap rasional dalam bertindak. Contohnya pihak sekolah tidak menuduh mana-mana pihak yang mencero boh kedai koperasi sekolah, sebaliknya menyerahkan kepada pihak polis untuk menyiasat dan seterusnya membuat pemeriksaan mengejut untuk mengetahui pelaku penceroboh yang sebenarnya.

BAHAGIAN C

Petikan membincangkan cara-cara untuk melahirkan pengguna bijak. Antaranya ialah media massa memainkan peranan yang signifikan. Selain itu, badan-badan NGO perlu bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk mengadakan “Kempen Pengguna yang Bijak. Seterusnya,

kurikulum dan kokurikulum tentang ilmu kepenggunaan di sekolah harus diperkenalkan. Di samping itu, semua sekolah juga digalakkan supaya menubuhkan Kelab Pengguna. Akhir sekali, kita harus bijak berbelanja tanpa diheret oleh pemiutang. Kesimpulannya, setiap individu haruslah berbelanja dengan bijak agar kehidupan kita lebih tenang.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Maklumat di atas membincangkan adab semasa beraya ke rumah orang. Antaranya ialah jangan terburu-buru menjamah makanan sehingga dijemput makan. Selain itu, makanlah dengan sopan agar tidak memalukan diri sendiri. Seterusnya, jangan buka angpau raya di depan tuan rumah kerana tindakan ini tidak bermoral. Di samping itu, kawal pergerakan anak-anak supaya tidak bising dan merayau-rayau. Akhir sekali, elakkan bermain telefon pintar kerana tujuan beraya untuk bertanya khabar dan beramah mesra. Kesimpulannya, sama-samalah kita menjaga adab apabila beraya ke rumah orang kerana akhlak yang mulia akan dihormati oleh orang lain.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Ramai yang sudah mengetahui keburukan rokok, tapi ramai yang tahu mengenai keburukan rokok elektronik? Kebanyakan orang yang bertukar kepada rokok elektronik daripada rokok biasa ini berpendapat rokok elektronik adalah alternatif yang lebih baik daripada rokok. Namun, rokok elektronik turut mempunyai kesan-kesan bahaya pada diri.

Antara keburukan rokok elektronik ialah boleh mengakibatkan gangguan psikologi dan menjejaskan kesihatan mental. Pengguna rokok elektronik akan lebih berisiko untuk mengalami ketagihan nikotin yang seterusnya boleh membawa kepada masalah psikologi seperti kemurungan, tekanan dan kebimbangan. Rokok elektronik mengandungi bahan kimia yang berbahaya. Bahan-bahan bahaya ini boleh mempengaruhi sistem saraf dan sekali gus menjadi penyumbang kepada masalah kemurungan.

Selain itu, keburukan rokok elektronik kepada ibu mengandung pula adalah kehamilan luar Rahim. Kehamilan luar rahim ini boleh disebabkan bahan nikotin yang terdapat dalam rokok elektronik. Nikotin dalam rokok elektronik boleh mengakibatkan berlakunya gangguan pada tiub fallopio. Apabila berlakunya gangguan tersebut, ia boleh menjadi penghalang janin daripada melaluinya dan menyebabkan kehamilan di luar rahim. Sekiranya ia berlaku, ia bukan sahaja memerlukan janin tersebut dikeluarkan, malah ia juga boleh menyebabkan komplikasi yang serius yang boleh mengancam nyawa ibu.

Di samping itu, implikasi negatif rokok elektronik yang paling berbahaya kepada pengguna ialah rokok elektronik berupaya untuk menghasilkan letupan minor tanpa dijangka. Hal ini kerana penggunaan rokok elektronik yang semakin menjadi trend ini telah menyebabkan sesetengah peniaga rokok elektronik menjadi lintah darat dengan mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan sehingga sanggup menjual serta mengedarkan rokok elektronik yang tidak diluluskan oleh SIRIM. Akhirnya mendatangkan kemudaratan kepada pengguna.

Kesimpulannya, terdapat banyak kesan buruk penggunaan rokok elektronik. Kerajaan perlu menghadkan umur minimum pengguna yang boleh menggunakan rokok elektronik. Pengguna perlu mendapatkan nasihat sebelum menggunakan rokok elektronik dan mengawal masa untuk menghisap rokok elektronik. Diharapkan agar pengguna rokok elektronik berhenti sebelum nasi menjadi bubur. Pada masa yang sama, ianya juga menyebabkan pembaziran yang banyak jika diteruskan.

Soalan 2

Keinsafanku,

Berhenti Sebelum Parah

Aku terdedah dengan rokok pada zaman kanak-kanak lagi. Mula-mula dengan membeli biskut jenis *fingers* yang panjang-panjang macam rokok. Akhirnya aku belajar menghisap rokok daun tanpa tembakau dengan kawan-kawan di belakang surau. Aku tidak merokok di sekolah, tetapi mengenali rokok sebenar ketika perkhemahan pengakap. Dahulu, rokok boleh dibeli di kedai secara

sebatang-sebatang. Sebatang rokok dikongsi beramai-ramai.

Seronoklah rasa pada masa itu sebab boleh bergaya macam orang dewasa. Begitu pun, aku masih belum jadi perokok tegar. Aku mula menjadi perokok tegar semasa aku belajar di universiti. Aku mampu menghabiskan sekotak rokok dalam masa sehari. Apabila aku mula bekerja, aku mampu membeli rokok dengan kuantiti rokok yang lebih banyak dalam setiap kotak.. Sepanjang usia menghisap rokok, aku kerap batuk kerananya. Aku selalu juga hendak berhenti merokok dengan cara mencari alternatif kepada rokok seperti makan gula-gula dan makan kuaci. Aku tak percaya dengan produk anti nikotin untuk berhenti merokok.

Bagaimana aku berhenti merokok? Tahun 2023 aku mendapat makluman tidak rasmi akan dapat mengerjakan haji. Sebagai persediaan, aku mula bersenam. Apabila mula menghayun langkah, aku nampak diri aku sebagai pelari. Di sekolah dan di kampus aku suka berjoging dan berlari jarak jauh. Namun apa yang terjadi pagi itu amat mengejutkan. Aku baru sahaja berlari tidak sampai 100 meter, terasa dada aku bagai nak pecah. Rasa tak boleh bernafas. Terus aku berhenti berlari.

Tatkala itu baru aku tersedar. Pertama, sudah bertahun aku tidak bersenam. Kedua, aku mesti berhenti merokok. Ramai juga kawan-kawan tanya mengapa berhenti merokok? Aku jawab, aku nak berhenti, aku berhentilah. Tak payah makan gula-gula atau kuaci. Bulan Ramadan tidak lama selepas itu merupakan bulan yang baik untuk aku memperkukuh niat berhenti dari ketagihan itu. Aku teringat lagi tatkala solat tarawih di surau, hidung aku berair sampai basah lengan baju. Tapi aku berjaya berhenti merokok. Suatu kejayaan peribadi bagiku.

Aku mencatat pengalaman ini bukan untuk berbangga. Aku nak berkongsi satu perkara yang penting untuk menjadi panduan diri. Perkara yang paling penting adalah jika kita hendak menghentikan sesuatu tabiat yang negatif, hentikan sahaja. Meninggalkan setiap perkara yang buruk pasti ada kebaikan pada kemudian hari. Semoga para perokok di luar sana dapat berhenti merokok dan memulakan gaya hidup yang lebih sihat.

Soalan 3

Terima kasih kepada pengerusi majlis. Yang Berusaha Tuan Pengetua, barisan panel hakim, penolong kanan, barisan guru kanan, guru-guru yang berdedikasi, dan rakan-rakan pelajar yang saya kasihi sekalian. Terima kasih kepada hadirin kerana sudi mendengar saya berbicara pada hari ini. Tajuk yang ingin saya kupaskan ialah 'Langkah-langkah untuk Membanteras Penggunaan Rokok elektronik.

Hadirin yang saya hormati,

Belakangan ini, penggunaan rokok elektronik semakin popular dalam kalangan masyarakat. Banyak pengguna rokok tegar beralih kepada penggunaan rokok elektronik, terutama pengguna yang berhasrat untuk berhenti merokok. Mereka beranggapan bahawa penggunaan rokok elektronik mampu untuk mengawal ketagihan rokok. Namun begitu, belum ada kajian terperinci yang mengatakan bahawa penggunaan rokok elektronik adalah selamat. Oleh itu, pelbagai langkah harus diambil bagi membanteras penggunaan rokok elektronik.

Antara langkah untuk membanteras penggunaan rokok elektronik adalah melalui pendidikan di sekolah. Murid-murid perlu lebih awal didedahkan tentang bahaya rokok dan rokok elektronik. Pihak sekolah boleh mengadakan ceramah motivasi untuk murid-murid. Penceramah jemputan haruslah terdiri daripada pihak polis atau wakil daripada jabatan kesihatan yang sememangnya arif tentang bahaya rokok elektronik. Dengan itu, murid-murid akan mempunyai pengetahuan sekali gus menjauhi tabiat ini.

Hadirin yang saya kasihi,

Selain itu, kesedaran masyarakat juga penting dalam membanteras penggunaan rokok elektronik. Banyak artikel tentang penggunaan rokok elektronik yang disiarkan dalam media cetak mahupun media elektronik yang boleh dijadikan sumber ilmu pengetahuan. Masyarakat harus tahu dan sedar akan kesan buruk penggunaan rokok elektronik kepada kesihatan. Rokok elektronik turut mengandungi bahan kimia seperti nikotin yang boleh menyebabkan ketagihan. Oleh yang demikian, masyarakat haruslah banyak membaca info tentang penggunaan rokok ini kerana khuatir akan menyumbang kepada masalah kesihatan

untuk jangka masa panjang.

Seterusnya, penguatkuasaan undang-undang juga merupakan langkah untuk membanteras penggunaan rokok elektronik. Pihak kerajaan perlu menegakkan umur minimum pengguna yang boleh menggunakan rokok elektronik, misalnya golongan remaja. Hukuman dan denda yang tinggi harus dikenakan kepada peniaga yang ingkar dan menjual rokok elektronik kepada remaja bawah umur. Dengan itu, rakyat akan lebih berjaga-jaga dan tidak sewenang-wenangnya menggunakan rokok

tersebut, sekali gus membanteras penggunaan rokok elektronik ini.

Hadirin yang saya sayangi,

Kesimpulannya, cegah sebelum parah kerana merokok boleh memudaratkan kesihatan. Kajian mengenai penggunaan rokok elektronik masih pada peringkat awal. Oleh itu, para pengguna disarankan agar mencari alternatif lain sekiranya mahu berhenti merokok dan mengawal ketagihan. Berjumpalah dengan pakar perubatan untuk mendapatkan rawatan yang betul.

Sekian, terima kasih.